05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA DI SEKOLAH KEBANGSAAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

LAI SIEW CHIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA DI SEKOLAH KEBANGSAAN

LAI SIEW CHIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind: 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17 (hari bulan) September (bulan) 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **LAI SIEW CHIN, M20161000867, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA DI SEKOLAH KEBANGSAAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PM. DR. LIN CHIA YING** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA DI SEKOLAH KEBANGSAAN** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN.**

_____ _____

Tarikh : Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA DI SEKOLAH KEBANGSAAN

No. Matrik /*Matric's No.*: M20161000867

Saya / *I* : LAI SIEW CHIN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
   The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☒	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 30 September 2020

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana memberikan biasiswa kepada saya untuk menyambung pelajaran saya di peringkat sarjana.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya, PM Dr Lin Chia Ying yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat kepada saya sepanjang penyelidikan saya. Terima kasih atas bimbingan yang amat membantu serta selalu bersabar semasa mengajar saya.

Rakaman ribuan terima kasih kepada para pakar yang telah banyak memberikan idea dan cadangan yang bernas dalam penyelidikan saya terutamanya pakar-pakar pengesahan instrument kajian saya.

Selain daripada itu, Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, guru besar serta guru-guru. Terima Kasih kerana telah membenarkan serta memberi kerjasama sepenuhnya kepada saya semasa penyelidikan dijalankan di sekolah-sekolah terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada keluarga dan kawan-kawan yang telah memberikan dorongan dan sokongan sepanjang pengajian dan penyelidikan saya. Akhirnya, saya ingin merakamkan terima kasih kepada sesiapa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menyelesaikan penulisan tesis ini.

Sekian terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan teknologi multimedia terhadap pencapaian, minat dan motivasi murid-murid terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan. Pendekatan kuantitatif, iaitu reka bentuk kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Subjek kajian terdiri daripada 69 orang murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan di dua buah sekolah di Kuala Lumpur. Kumpulan kawalan terdiri daripada 32 orang murid-murid yang diajar dengan cara konvensional manakala kumpulan rawatan terdiri daripada 37 orang murid-murid yang diajar dengan cara penggunaan teknologi multimedia. Dua jenis instrumen kajian digunakan iaitu ujian pencapaian dan soal selidik. Ujian pra dan ujian pasca telah dijalankan kepada kedua–dua kumpulan. Soal selidik dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap minat dan motivasi murid sebelum dan selepas rawatan. Data dianalisis dengan kaedah inferensi, iaitu ujian-t. Pengujian statistik ujian-t menunjukkan peningkatan pencapaian yang signifikan iaitu t (67) = -11.352 (p = 0.00). Penggunaan teknologi multimedia turut menunjukkan peningkatan secara signifikan terhadap minat iaitu dengan nilai t (36) =-5.160, $p < .05$ dan peningkatan signifakan terhadap motivasi murid iaitu t (36) = -4.015, $p < .05$ dalam soalan pra dan pasca untuk kumpulan rawatan. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi multimedia dapat memberikan kesan positif terhadap pencapaian, minat dan motivasi murid-murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Dapatan kajian ini memberikan implikasi bahawa penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran dan pengajaran kosa kata seharusnya dipertingkatkan dalam kalangan guru untuk menjamin pembelajaran yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE USE OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY FOR CHINESE VOCABURALY LEARNING IN YEAR THREE PUPILS IN NASIONAL SCHOOLS

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the effect of using multimedia technology on pupils' achievement, interest and motivation towards learning Chinese Language vocabulary among Year 3 pupils in national schools. The design of this study is a quasi-experimental study. Quasi experiment consisted of control group and treatment group with pre-test and post-test. The sample of the study consisted of 69 standard 3 pupils in national schools from two difference schools in Kuala Lumpur. The control group comprised 32 pupils while the treatment group consisted of 37 pupils. Control group was taught in conventional method and the treatment group was taught by using multimedia technology. Pre-test and post-test have been tested for both groups. Pre and post-test questionnaire related to interest and motivation were also distributed to both groups. T-test analysis showed that the use of multimedia can improve the achievement, interest and motivation of vocabulary mastery among the pupils. The conclusion from the study showed that the use of multimedia technology have had increased the achievement, interest and motivation of standard 3 pupils in the teaching and learning of Chinese vocabulary. Research implications indicated that the use of multimedia technology can enhance the effect of teaching and learning the Chinese vocabulary.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/ DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8 Kerangka Teori Kajian	11
1.9 Skop Kajian	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

1.10 Definisi Operasional 13

1.10.1 Pembelajaran 13

1.10.2 Kosa Kata 13

1.10.3 Bahasa Tambahan 14

1.10.4 Pengajaran Multimedia 14

1.10.5 Motivasi 15

1.10.6 Minat 15

1.11 Batasan Kajian 16

1.12 Kepentingan kajian 16

1.13 Kesimpulan 17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 19

2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan 20

2.3 Perkembangan Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua Antarabangsa 22

2.4 Kepentingan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua 23

2.5 Teori-teori Bahasa 25

2.5.1 Teori Pemerolehan Bahasa 26

2.5.1.1 Teori Behavior 26

2.5.1.2 Teori Kognitif 27

2.5.1.3 Teori Mentalis 29

2.5.1.4 Teori Interaksionalisme 30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

2.5.2 Teori Pengajaran Bahasa 33

2.6 Teori dan Prinsip Kognitif Pembelajaran Multimedia (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*-CTML) 42

2.6.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*-CTML) 42

2.6.2 Prinsip Kognitif Pembelajaran Multimedia (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*-CTML) 43

2.7 Perancangan Instruksional Multimedia dalam Pembelajaran Kosa Kata 45

2.7.1 Model ASSURE 46

2.8 Motivasi dan Minat 52

2.8.1 Motivasi 52

2.8.1.1 Motivasi Intrinsik 53

2.8.1.2 Motivasi Ekstrinsik 53

2.8.2 Minat 54

2.9 Kajian Lepas 54

2.9.1 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Kedua 55

2.9.2 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Minat dalam Pengajaran dan Pembelajaran 57

2.9.3 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran 59

2.9.4 Kajian Lepas tentang Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata bahasa Cina di Luar negara Malaysia 61

2.10 Kesimpulan 61

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 63

3.2 Reka bentuk Kajian 64

3.3 Kerangka Kerja Operasi 67

3.4 Populasi dan Pensampelan 69

3.4.1 Pemilihan sekolah 69

3.4.2 Ciri-ciri Guru 71

3.5 Pembolehubah Operasional 72

3.6 Instrumen Kajian 73

3.6.1 Soalan Ujian Pra-Pasca 74

3.6.2 Soal Selidik 75

3.6.3 Pembinaan Instrumen 79

3.7 Topik Pembelajaran – Pemilihan Kosa Kata 80

3.8 Rancangan Pengajaran Harian 83

3.9 Pembinaan Instrumen Bahan Multimedia 86

3.10 Kajian Rintis 87

3.11 Kesahan Instrumen 88

3.11.1 Pemilihan Pakar 88

3.11.2 Kesahan Kandungan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) 92

3.11.3 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Ujian Pra dan Ujian Pasca 94

3.11.4 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Instrument (Multimedia) 96

3.11.5 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Soal Selidik 99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

3.12 Kebolehpercayaan 100

3.13 Analisis Data 101

3.14 Jangka Masa Kajian 103

3.15 Kesimpulan 105

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 106

4.2 Analisis Maklumat Diri Responden Kumpulan Kawalan dan Rawatan 108

4.3 Analisis Deskriptif Kajian 109

4.3.1 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai berdasarkan Ujian Pencapaian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan 110

4.3.2 Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai Terhadap Minat Murid-Murid Berdasarkan Soal Selidik Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan 111

4.3.3 Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Motivasi Murid-murid berdasarkan Soal Selidik Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan 112

4.4 Analisis Statistik Inferensi Ujian Pencapaian 112

4.4.1 Analisis Statistik inferensi Ujian Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan 113

4.5 Analisis Statistik Inferensi Soal Selidik Minat 114

4.5.1 Data Analisis Min Minat dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Rawatan 114

4.5.2 Data Analisis Min Minat Dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Kawalan 116

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

4.5.3 Data Analisis Min Minat dalam Soal Selidik Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan 117

4.6 Analisis Statistik Inferensi Soal Selidik Motivasi 117

4.6.1 Data Analisis Min Motivasi Dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Rawatan 117

4.6.2 Data Analisis Min Motivasi dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Kawalan 119

4.6.3 Data Analisis Min Motivasi Dalam Soal Selidik Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan 120

4.7 Kesimpulan 121

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 122

5.2 Perbincangan dan Rumusan 123

5.2.1 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap penguasaan dalam kota kata Bahasa Cina 123

5.2.2 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap Minat dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina 125

5.2.3 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap Motivasi dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina 128

5.3 Implikasi Kajian 131

5.3.1 Implikasi Pengetahuan 131

5.3.2 Implikasi Praktikal 133

5.3.3 Implikasi Empirikal 134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

5.4 Cadangan Kajian 135

5.4.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia 135

5.4.2 Cadangan kepada Sekolah 137

5.4.3 Cadangan kepada Guru 138

5.4.4 Cadangan Kajian Lanjutan 139

5.5 Kesimpulan 142

RUJUKAN 143

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Ringkasan Objektif Kajian, Soalan Kajian, Kaedah Kajian dan Sumbangan Kajian	9
2.1	Andaian-Andaian Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	42
3.1	Ringkasan Reka Bentuk Kajian	65
3.2	Kuasi Exsperimen: Ujian Pra Dan Ujian Post	67
3.3	Min Skor Pencapaian Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina dalam Ujian Pra antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	71
3.4	Maklumat Sampel Kajian	71
3.5	Komen-komen Pakar yang Mengesahkan Soal Selidik	76
3.6	Rujukan untuk Pembinaan Soal Selidik	77
3.7	Taburan Soalan Soal Selidik	78
3.8	Skala Likert Gambar Rajah (*Pictorial Likert Scale*)	78
3.9	Langkah-langkah dan Tindakan Pengkaji Mengikut Reka Bentuk *ASSURE*	79
3.10	Kemahiran, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran untuk Kajian	81
3.11	Kosa Kata Mengikut Buku Teks KSSR Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahun 3 Terbitan 2012	82
3.12	Contoh RPH yang Disediakan oleh Pengkaji	84
3.13	Kesahan Pakar yang Dibuat dalam Kajian ini	90
3.14	Senarai Profil Pakar-pakar	90
3.15	Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji	92

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No. Jadual		Muka Surat
3.16	Penilaian Kesahan Instrument (RPH) oleh Pakar-pakar	93
3.17	Ulasan-ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Ujian Pra	94
3.18	Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Ujian Pasca	95
3.19	Penilaian Ujian Pra dan Ujian Pasca oleh Para Pakar	96
3.20	Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Bahan Multimedia	97
3.21	Penilaian Bahan Multimedia oleh Para Pakar	98
3.22	Pengesahan Soal Selidik Oleh Para Pakar	99
3.23	Nilai *Alpha Cronbach* dan Tahap Kebolehpercayaan	100
3.24	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik	101
3.25	Cara Menganalisis Data Mengikut Objektif dan Soalan Kajian	102
3.26	Jadual Mingguan dan Tempoh Masa Mengajar Topik Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan	104
4.1	Analisis Demografi Kumpulan Kawalan	108
4.2	Analisis Demografi Kumpulan Rawatan	109
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Ujian Pencapaian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	110
4.4	Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Minat murid-murid bagi kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	111
4.5	Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Motivasi murid-murid bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	112
4.6	Min Pencapaian Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Ujian Pasca antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	114

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No. Jadual		Muka Surat
4.7	Min Minat Murid Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pra Soal Selidik Pasca Untuk Kumpulan Kawalan	115
4.8	Min Minat Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Antara Soal Selidik Pra Soalan Selidik Pasca Untuk Kumpulan Kawalan	116
4.9	Min Minat Murid Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pasca Untuk Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	117
4.10	Min Motivasi Murid-Murid Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pra Soal Selidik Pasca Untuk Kumpulan Rawatan	118
4.11	Min Motivasi Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Antara Soal Selidik Pra Dan Soalan Selidik Pasca Untuk Kumpulan Kawalan	119
4.12	Min Motivasi Murid dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pasca untuk Kumpulan Kawalan dan Rawatan	120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.2	Kerangka Teori Kajian	12
2.1	Model Pengajaran Korpus-Kamus	36
2.2	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001)	43
3.1	Kerangka kerja operasi	68
3.2	Hubungan antara Pembolehubah Tidak Bersandar dengan Pemboleh ubah Bersandar	73
3.3	Contoh slaid multimedia untuk kumpulan kawalan	86
4.1	Rumusan Proses Analisis Data Deskriptif dan Data Inferensi	107

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BBT	Bahagian Buku Teks
BC SJK	Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan
BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
BKP	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CALL	*Computer Assisted Language Learning*
CAPS	*Content Acquisition Podcasts*
CTML	*Cognitive Theory of Multimedia Learning*
DSK	Dokumen Standard Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum & Prestasi
HSK	Hanyu Shuiping Kaoshi
ICT	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
JUK	Jurulatih Utama Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LAD	*Language Acquisition Device*
MSLQ	*Motivated Strategies for Learning Questionnaire*
PdPc	Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SMMD	*Smart Malay-Mandarin dictionary*
SPSS	*Statistical Package for the Social Science*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UiTM	Universiti Teknologi Mara
UG	*Universal Grammar*
UM	Universiti Malaya
UNESCO	*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ZPD	*Zone Proximal Development*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Ujian Pra (Pre-test)
B	Ujian Pasca (Post-Test)
C	Soal Selidik Minat & Motivasi
D	Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
E	Borang Kesahan Pakar, Kesahan Kandungan & Kesahan Muka Ujian Pra (Pre-test) dan Ujian Pasca (Post-test)
F	Borang Kesahan Pakar Soal Selidik Kesahan Kandungan & Kesahan Muka
G	Borang Kesahan Pakar Instrumen Kesahan Kandungan & Kesahan Muka
H	Borang Kesahan Pakar RPH Kesahan Kandungan
I	Dokumen Standard Bahasa Cina SK KSSR Tahap 1
J	Maklumat kelas BCSK JPWPKL 2017
K	Surat Pengesahan Status Pelajar UPSI & Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
L	Surat Kelulusan Dari JPWPKL
M	Surat Kelulusan Dari EPRD
N	Pakar Peterjemahan BI-BM Teh Yean Nee
O	Pakar Peterjemahan BI-BM Chua Fong Chu
P	Pakar Peterjemahan BM-BI Shahaliza
Q	Pakar Peterjemahan BI-BM Hayani
R	Surat Lantikan Pakar dari IPS UPSI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini bukan sahaja mengubah gaya hidup seharian kita, malah turut mengubah cara pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, seiring dengan perkembangan era globalisasi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah giat berusaha ke arah membestarikan sekolah dengan membangunkan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT). Antara usaha itu termasuklah pembangunan dari aspek infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia yang bertujuan untuk menghasilkan pendidikan yang lebih berkesan dan berkualiti. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan teknologi telah diserap dalam bidang pendidikan di Malaysia meskipun masih pada peringkat awal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat KPM dalam menggabungkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai salah satu pelantar bagi melaksanakan aktiviti Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) memerlukan sokongan dan komitmen golongan pendidik. Guru misalnya perlu memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada murid dalam proses pembelajaran dengan menggalakkan murid-murid untuk mempelajari pelbagai ilmu melalui teknologi tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan para guru untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan seterusnya mampu meningkatkan kefahaman murid-murid.

Sehubungan dengan itu, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh para pendidik dalam merancang pengajaran yang berkualiti bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, sesuai dengan peredaran masa kini, pembelajaran berpusatkan murid yang bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu berbincang dan memberikan pendapat juga menjadi kemahiran penting yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) pada tahun 2013. Untuk menyediakan negara yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, KPM melalui PPPM telah melakarkan wawasan pendidikan yang sistematik untuk melahirkan generasi yang holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesinambungan daripada kewujudan aspirasi sistem, aspirasi murid juga ditekankan dalam PPPM. Aspirasi murid-murid tersebut adalah untuk menerapkan kemahiran atribut dan khas kepada murid-murid bagi memastikan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global pada masa hadapan (Ekshibit 8). Oleh hal yang demikian, kemahiran dwibahasa menjadi salah satu ciri utama dalam aspirasi murid-murid bagi mencapai matlamat yang diterapkan di dalam PPPM.

Di samping itu, kemahiran dwibahasa dalam aspirasi ini telah menunjukkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua di sekolah rendah dan sekolah menengah. Anjakan dua dalam PPPM itu juga menyarankan agar setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Oleh itu, KPM menggalakkan semua murid mempelajari bahasa tambahan lain seperti bahasa Cina, bahasa Arab, bahasa Tamil dan lain-lain bahasa. KPM juga telah bergiat untuk menyediakan mata pelajaran bahasa lain di semua sekolah rendah dan menengah supaya setiap murid berpeluang mempelajari bahasa tambahan menjelang tahun 2025.

Sehubungan dengan itu, bahasa Cina diwujudkan sebagai bahasa elektif dan bahasa tambahan di sekolah kebangsaan sejak tahun 2011 secara berperingkat-peringkat dan banyak kolej serta universiti juga telah mengambil inisiatif yang sama. Hal ini menunjukkan subjek bahasa Cina telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di sekolah-sekolah dan di universi-universiti tempatan. Di sekolah misalnya kebanyakan murid berbangsa Melayu, India, Sikh, Kadazan dan lain-lain turut memilih bahasa Cina sebagai bahasa tambahan yang dipelajari di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain pembelajaran bahasa tambahan, KPM juga telah giat menyediakan akses internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet untuk kesemua 10,000 sekolah di Malaysia. Aspirasi tujuh dalam PPPM juga menyarankan penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran cara kendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid-murid. Di samping itu, penggunaan teknologi multimedia membolehkan murid memperoleh akses kandungan ICT yang lebih luas, menarik, dan interaktif. Menurut PPPM, kajian KPM pada 2010 mendapati bahawa lebih kurang 80 peratus guru menggunakan ICT kurang satu jam seminggu. Kajian UNESCO pada tahun 2012 juga mendapati bahawa penggunaan ICT tidak berganjak dan hanya sekadar penggunaan aplikasi pemprosesan perkataan sebagai alat pengajaran. Dalam anjakan ini, KPM berhasrat menyediakan kemudahan ICT di sekolah-sekolah dan menjadikan ICT sebahagian daripada kehidupan murid-murid di sekolah-sekolah, Hal ini adalah untuk mengenal pasti tidak wujud jurang pemisah antara bandar dengan luar bandar, semua guru dan murid akan dilengkapi dengan kemahiran yang perlu bagi menggunakan teknologi ini secara menyeluruh.

Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah trend pada abad digital dan perkembangan ini mampu memantapkan proses PdPc berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Tahir (2010), menyatakan bahawa teknologi pendidikan memainkan peranan yang sangat bermakna dalam membantu pembelajaran, malahan pembelajaran juga dapat dijalankan dengan lebih menarik dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Penyataan Masalah

Murid-murid di sekolah kebangsaan wajib menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam modul teras kurikulum justeru di dalam PPPM, pemilihan bahasa tambahan atau bahasa elektif seperti Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan-Dusun ditonjolkan.

Sejak tahun 2011, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan telah diperkenalkan sebagai bahasa elektif dan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) ini dikenali sebagai Bahasa Tambahan dalam Modul Mata Pelajaran Bahasa Tambahan di bawah KSSR Semakan 2017. Walau bagaimanapun, didapati ramai murid tidak dapat menguasai Bahasa Cina dengan baik dalam pembelajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua. Faktor utama kegagalan tersebut disebabkan murid-murid lemah dalam penguasaan kosa kata Bahasa Cina. Menurut Goh, Warris, Mohamed dan Sabri (2012), dalam artikel mereka iaitu *"Instructional Technology design of smart Malay-Mandarin dictionary (SMMD) to support vocabulary acquisition in teaching Chinese as a foreign language",* murid-murid kebiasaannya menghadapi masalah penguasaan kosa kata dalam proses pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing walhal tahap penguasaan kosa kata tersebut adalah penting dalam penyampaian lisan dan penulisan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati ramai murid masih tidak dapat menguasai kosa kata walaupun telah mempelajari beberapa tahun. Sehubungan dengan itu, Li dan Wu (2005), menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran kosa kata memberi impak secara langsung terhadap tahap penguasaan keseluruhan Bahasa Cina sebagai bahasa asing. Li dan Wu (2005), juga berpendapat bahawa pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kosa kata Bahasa Cina bukan sesuatu yang mudah. Hal ini demikian kerana bilangan kosa kata Bahasa Cina yang banyak ditambah pula dengan kekurangan intuisi bahasa murid-murid bukan jati diri. Di samping itu, Li dan Wu (2005), juga menyatakan bahawa salah satu masalah penguasaan Bahasa Cina sebagai bahasa kedua ialah pengajaran guru-guru yang berfokus kepada pengajaran tatabahasa.

Selain itu, kekangan juga berlaku disebabkan oleh faktor peruntukan masa pembelajaran. Murid-murid di sekolah kebangsaan wajib menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam modul teras kurikulum dan kedua–dua bahasa tersebut diajar sebanyak 300 hingga 360 minit (10-12 waktu) seminggu manakala Bahasa Cina hanya diajar 180 minit (tiga waktu) seminggu. Peruntukan masa yang amat singkat ini juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan penguasaan Bahasa Cina yang lemah dalam kalangan murid-murid. Untuk mengatasi masalah itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran didapati dapat merealisasikan peningkatan penguasaan bahasa tersebut. Selain itu, masalah juga timbul apabila para ibu bapa dan penjaga tidak dapat memberikan bimbingan kepada anak-anak mereka kerana sebahagian besarnya juga tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Cina.

Selain itu, kurangnya kepelbagaian kaedah dalam pengajaran juga menyebabkan murid-murid cepat bosan dan hal ini akan memberi kesan kepada pembelajaran dan penguasaan bahasa Cina. Oleh itu, Goh el at. (2012) berpendapat teknologi dalam pendidikan dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan penguasaan dan pengayaan dalam pembelajaran kosa kata. Williams (2013) juga menjelaskan bahawa bahan multimedia diterima dengan meluas sebagai alat yang berguna dan berkesan dalam bidang penguasaan bahasa kedua. Beliau juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan bahawa terdapat banyak kajian berkaitan bidang ini dan pengkaji telah mengkaji keberkesanan bahan multimedia daripada beberapa aspek, termasuklah kemahiran mendengar, bertutur, membaca serta menulis. Walau bagaimanapun, keberkesanan bahan multimedia dalam penguasaan kosa kata bahasa kedua masih kurang dikaji.

1.4 Objektif Kajian

1) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.
2) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.
3) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

1) Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
2) Adakah terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?
3) Adakah terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

H_{A1}: Terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

H_{A2}: Terdapat perbezaan dalam skor min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara skor min pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{A3}: Terdapat perbezaan dalam skor min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara skor min motivasi pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, pengkaji telah membuat ringkasan terhadap objektif kajian, soalan kajian, kaedah kajian dan sumbangan kajian.

Jadual 1.1

Ringkasan Objektif Kajian, Soalan Kajian, Kaedah Kajian dan Sumbangan Kajian

Bil	Objektif kajian	Soalan kajian	Instrumen	Analisis Data
1	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?	Ujian Pra dan Ujian Pasca	Ujian-*t* sampel bebas
2	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Adakah terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?	Soal Selidik pra dan Soal Selidik pasca	Ujian-*t* berpasangan

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1 (*Sambungan*)


Bil	Objektif kajian	Soalan kajian	Instrumen	Analisis Data
3	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Adakah terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?	Pra Soal Selidik dan Pasca Soal Selidik	Ujian-*t* berpasangan

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini mengkaji kesan tahap pencapaian, minat dan motivasi penguasaan kosa kata terhadap kumpulan subjek kajian, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan menggunakan pengajaran konvensional manakala kumpulan rawatan dengan penggunaan teknologi multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.8 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.2 merupakan kerangka konsep kajian ini. Kerangka ini telah menunjukkan bahawa kajian ini dijalankan berdasarkan dua teori yang utama iaitu Teori Kognitif Pemerolehan Bahasa dan Teori Kognitif pembelajaran multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian

1.9 Skop Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur dan data dikutip dalam tempoh lapan minggu yang telah dirancang. Masa yang diperuntukan untuk setiap kali pengajaran hanya 30 minit.

Kajian hanya tertumpu pada pembelajaran kosa kata dengan penggunaan teknologi multimedia, iaitu *Powerpoint* yang mengandungi aksara Bahasa Cina, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan rakaman suara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Pembelajaran

Dengan merujuk kepada Kamus Dewan edisi Keempat, belajar ialah usaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan, kepandaian dan sebagainya. Kamus Pelajar Edisi Kedua pula mentakrifkan belajar sebagai berlatih supaya pandai dan mahir. Manakala pembelajaran pula ditakrifkan sebagai perihal atau proses belajar dalam kamus bahasa Melayu *online* Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Pembelajaran dalam kajian ini bermaksud proses belajar untuk mencapai kemahiran yang telah ditetapkan, iaitu penguasaan kosa kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Kosa Kata

Kamus Dewan edisi Keempat telah mendefinisikan kosa kata sebagai keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa dan perbendaharaan kata. Kosa kata yang dipilih dalam kajian ini ialah morfem bebas yang membawa sesuatu maksud.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kata nama, kata kerja dan kata adjektif sebagai kosa kata dalam kajian. Senarai kosa kata yang digunakan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum (DSK) yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan buku teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) Tahun 3 yang diluluskan oleh Bahagian Buku Teks (BBT) pada tahun 2010.

Lim (2011), menyatakan bahawa kosa kata bahasa Cina yang dikuasai oleh murid-murid peringkat awal ialah kata konkrit. Murid-murid perlu menguasai kata konkrit seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Sehubungan dengan itu, penguasaan kosa kata meliputi beberapa kemahiran tertentu, termasuklah mendengar, menyebut, membaca serta memahami penggunaan kosa kata tersebut.

1.10.3 Bahasa Tambahan

Bahasa tambahan dalam tesis ini merujuk kepada bahasa yang ditawarkan dan dipilih oleh murid-murid untuk membolehkan mereka berkemahiran dalam pelbagai bahasa. Mata pelajaran tambahan yang ditawarkan di sekolah kebangsaan termasuk bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Semai.

1.10.4 Pengajaran Multimedia

Multimedia yang digunakan dalam kajian ini termasuklah Powerpoint, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan rakaman suara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.5 Motivasi

Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi intrinsik bergantung kepada diri sendiri untuk melakukan sesuatu tanpa dipengaruhi oleh rangsangan luar. Motivasi intrinsik ialah motivasi yang muncul dalam diri seseorang tanpa memerlukan rangsangan daripada luar. Motivasi intrinsik ini akan merangsangkan seseorang menjadi orang yang berjaya dan berpengetahuan.

Motivasi ekstrinsik pula bergantung kepada rangsangan daripada luar. Biasanya motivasi ekstrinsik timbul disebabkan ganjaran seperti wang dan gred atau ancaman hukuman. Selain itu, sorakan, pujian dan kata-kata semangat daripada orang lain ialah faktor pendorong yang kuat untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, motivasi ekstrinsik sesuai diterapkan dalam kalangan kanak-kanak yang belum mampu membuat perbandingan kesan baik dan buruk sesuatu perlakuan atau tindakan.

1.10.6 Minat

Minat dalam Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi kedua ditakrifkan sebagai kecenderungan atau keinginan kepada sesuatu. Sahjan (2016) pula, menyatakan bahawa minat ialah kecenderungan yang ditunjukkan oleh murid-murid apabila adanya rangsangan yang menarik minat untuk mempelajari sesuatu ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Woolfolk (1998), juga menyatakan bahawa aspek-aspek yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran ialah minat dan usaha.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur. Hanya terdapat 30 hingga 40 responden dalam setiap kumpulan kajian. Sampel kajian juga terhad kepada murid-murid Tahun 3 yang mempelajari Bahasa Cina sahaja. Selain itu, tempoh kajian juga terhad, iaitu kajian hanya dapat dijalankan dalam masa lapan minggu sahaja.

Skop penggunaan teknologi multimedia yang digunakan termasuklah kosa kata, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan sebutan sahaja.

1.12 Kepentingan kajian

Kajian ini menunjukkan kesan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Cina. Selain itu, kesan minat dan motivasi murid terhadap penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan juga dapat ditunjukkan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini memberikan maklumat kepada para guru untuk meningkatkan serta memperbaiki strategi pengajaran supaya menjadi lebih menarik, pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi lebih mudah difahami dan tidak membebankan justeru guru-guru dapat membimbing murid untuk menguasai kosa kata dengan lebih baik.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa giat menyarankan pembelajaran abad ke-21, penggunaan ICT, *flipped classroom* dan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada KPM untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Kebangsaan. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan dalam merangka langkah-langkah penambahbaikan terhadap polisi KPM dan seterusnya dapat mencapai hasrat kerajaan dalam melahirkan murid-murid yang mampu menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat menjadi bahan rujukan dan bahan bukti kepada pengkaji-pengkaji dan pihak-pihak tertentu untuk membolehkan mereka menjalankan kajian yang selanjutnya serta menambah baik kajian ini pada masa yang akan datang.

1.13 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara keseluruhan hala tuju dan strategi yang menyokong pelaksanaan pembelajaran dengan penggunaan teknologi maklumat. Bab ini juga telah menghuraikan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina dan latar belakang kajian yang berkaitan. Berdasarkan objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan soal kajian, penyelidik ingin mengkaji keberkesanan pembelajaran kosa kata Bahasa Cina di sekolah kebangsaan dengan penggunaan teknologi multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian literatur bertujuan untuk menerangkan isi kandungan kajian-kajian lepas berkaitan dengan dapatan kajian, kekuatan dan kelemahan kajian dengan lebih teliti. (Mackey Alison, 2016). Menurut Creswell (2012) kajian literatur ialah kesimpulan jurnal, buku dan dokumen lain yang memberi penerangan tentang keadaan lepas dan kini berkaitan dengan informasi topik yang dikaji. Tujuan utama kajian literatur adalah untuk memberikan gambaran kepada para pembaca tentang pelaksanaan sesuatu kajian lepas yang memberi justifikasi persamaan dan perbezaan kajian ini dengan kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, bab ini menerangkan kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji lain berkaitan dengan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, bab ini akan membincangkan lebih mendalam tentang pembelajaran kosa kata Bahasa Cina dengan penggunaan teknologi multimedia. Pengajaran kosa kata Bahasa Cina sebagai bahasa kedua turut dibincangkan.

2.2 Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina di Malaysia

Bahasa Cina diajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Kebangsaan. Bahasa Cina yang digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ialah Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan (BC SJK) manakala bahasa Cina yang diajar di Sekolah Kebangsaan dinamakan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK). Kurikulum bagi BC SJK dan BCSK berbeza di antara satu sama lain. Pengajaran bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan berasaskan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama manakala pengajaran bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan pula berlandaskan pembelajaran dan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Sejak kemerdekaan Malaysia, Bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan diajar sebagai pengajaran bahasa ibunda kepada murid-murid kaum Cina yang belajar di Sekolah Kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada Tahun 2007, Pelan Pendidikan yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Keempat, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah untuk memperkasa Sekolah Kebangsaan. Berdasarkan pelan tersebut, bahasa Cina diajar sebanyak lima waktu (150 min) seminggu sebagai bahasa elektif pada waktu dalam atau luar jadual waktu persekolahan. Murid-murid juga diberi pilihan untuk memilih bahasa elektif yang ingin dipelajari justeru pilihan untuk mereka terbuka apabila dalam Pelan Pembangunan Pendidikan pada tahun 2010, bahasa Cina, bahasa Arab, bahasa Tamil dan bahasa Kadazan-Dusun dijadikan bahasa tambahan. Bahasa tambahan tersebut akan diajar sebanyak tiga waktu, iaitu dalam tempoh 90 minit seminggu.

Anjakan kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga menggalakkan setiap murid mempelajari sekurang-kurangnya satu bahasa tambahan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggalakkan murid-murid mempelajari bahasa tambahan selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Aspirasi kementerian ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada setiap murid dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah untuk menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa dengan baik. KPM juga telah berusaha menambah bilangan guru bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab. Usaha ini adalah untuk memastikan bilangan guru bahasa mencukupi untuk memenuhi keperluan murid-murid. Oleh hal yang demikian, dalam KSSR dan KSSM, pengajaran dan pembelajaran bahasa tambahan dimasukkan dalam waktu pengajaran di sekolah rendah serta sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Perkembangan Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua Antarabangsa

Negara China telah berkembang dengan pesat semenjak Dasar Buka Pintu diimplementasikan di negara tersebut. Negara China bukan sahaja menumpukan perkembangan dalam bidang ekonomi, malahan juga giat memperkembangkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina ke seluruh dunia. Oleh itu, beberapa institusi pengajian telah melaksanakan usaha untuk memperkembang bahasa Cina dan budaya China di setiap pelosok dunia.

Sehubungan dengan itu, Institut Confucius ialah organisasi pendidikan awam tidak berkanun yang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China untuk mempromosikan bahasa Mandarin dan kebudayaan China. Organisasi ini bergiat aktif dalam pengajaran bahasa Mandarin di peringkat antarabangsa dan mempromosikan kebudayaan China ke serata dunia. Selain itu, usaha tersebut juga berupaya merapatkan perhubungan antara negara serta meningkatkan pemahaman bahasa serta budaya China. Program Institut Confucius tersebut dipantau oleh Hanban, iaitu Pejabat bahasa Cina Dewan Antarabangsa. Institusi ini juga bekerjasama dengan kolej dan universiti gabungan tempatan di seluruh dunia dalam memperkembang pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin. Data sehingga 31 Disember 2016 menunjukkan sebanyak 512 Institut Confucius dan 1,073 buah kelas Confucius telah ditubuhkan di 140 negara untuk memenuhi keperluan tinggi dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. (http://www.hanban.org/). Organisasi ini mengadakan pelbagai perkhidmatan seperti khidmat nasihat, memperkembang pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin, mengadakan kursus peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran dalam pengajaran, mengadakan ujian penguasaan Bahasa Mandarin dan lain-lain.

2.4 Kepentingan Penguasaan Kosa Kata dalam Pembelajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua perlu menitikberatkan penguasaan kosa kata. Gao Yan (2012), dalam bukunya *Teaching Chinese as Foreign Language*, menjelaskan bahawa sebutan berperanan sebagai "kulit luar" bahasa, tatabahasa sebagai peraturan struktur bahasa manakala kosa kata ialah umpama bahan binaan sesuatu bahasa. Pengajaran dan pembelajaran kosa kata menurut penulis merupakan kandungan utama pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing. Tujuan utama pengajaran kosa kata bahasa Cina sebagai bahasa asing adalah untuk membolehkan murid yang mempelajari bahasa Cina mengenal kosa kata, banding beza penggunaan kosa kata, pemilihan kosa kata, penggunaan kosa kata supaya dapat berkomunikasi dengan tepat dan berkesan. Beliau juga mendakwa bahawa walaupun pengajaran kosa kata memainkan peranan yang penting dalam penguasaan bahasa Cina, namun guru-guru kurang menitikberatkan pengajaran kosa kata.

Lim Yi Cheng (2016), pula dalam tesisnya yang bertajuk *A study On The Effectiveness of Vocabulary Presentation On Children's Vocabulary Acquisition in Indonesia* juga menyatakan bahawa pengajaran kosa kata adalah asas kepada pengajaran bahasa. Pengkaji lain yang menyokong kenyataan tersebut ialah Zhao Wei Jing (2016) dalam tesisnya *The Stylistic features of Words and Vocabulary Teaching*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

in Teaching of Chinese as a Second Language yang menjelaskan bahawa pengajaran kosa kata ialah kandungan signifikan (*significant content*) dalam pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing.

Selain itu, pakar lain yang turut bersetuju dengan kenyataan tersebut ialah Gu Yin (2001), yang menyatakan bahawa kosa kata ialah komponen yang penting dalam sesuatu bahasa. Pengajaran kosa kata selalu diajar menerusi teks, tetapi hanya secara sampingan dan tidak diberikan penekanan. Keadaan ini telah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata tidak bersistematik dan menyebabkan murid-murid sukar untuk mengingati kosa kata yang diajar. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran kosa kata secara sistematik adalah amat penting bagi membolehkan murid-murid menguasai kosa kata dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan penguasaan kosa kata juga dikemukakan oleh Lim (2016), yang menjelaskan tujuan utama pengajaran kosa kata bahasa Cina dalam konteks pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua adalah untuk memupuk keupayaan murid-murd dalam mengenal, membezakan, memilih dan penggunaan kosa kata serta memupuk keupayaan dalam penggunaan kosa kata yang tepat dalam proses komunikasi. Menurutnya, penguasaan kosa kata untuk murid-murid peringkat awal adalah untuk memberi pengajaran secara konkrit seperti memberi gambar rajah yang menggunakan kosa kata konkrit. Kosa kata konkrit ialah kosa kata yang perlu dikuasai oleh murid pada peringkat awal yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan bahagian ini memberi justifikasi bahawa pengajaran kosa kata perlu diberikan tumpuan dalam penguasaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Maka pengajaran dan pembelajaran kosa kata amat penting dan perlu dikaji agar pengajaran dan pembelajaran tersebut dapat dilaksanakan secara berkesan. Oleh itu, kajian ini akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina sebagai fokus dalam kajian ini.

2.5 Teori-teori Bahasa

Kajian ini berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina. Menurut Scarino dan Liddicoat (2009), bahasa ialah kandungan utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Guru-guru bahasa perlu memahami cara manusia memperoleh bahasa agar mereka dapat memahami proses otak beroperasi sewaktu mempelajari bahasa manakala pengetahuan guru-guru tentang ilmu pengajaran bahasa membolehkan mereka menyampaikan kemahiran bahasa dengan baik kepada murid-murid. Oleh itu, bahagian ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang teori pemerolehan bahasa dan teori pengajaran bahasa kerana pemahaman yang baik tentang dua teori tersebut membolehkan guru-guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Teori Pemerolehan Bahasa

Manusia berinteraksi antara satu sama lain menggunakan bahasa sama ada secara lisan atau penulisan, bahasa ialah sumber kehidupan manusia dan kuasa, malahan bahasalah yang membezakan manusia dengan makhluk lain (Rodman, Hyams, Fromkin, Rodman & Hyams, 2007). Oleh itu, secara umumnya manusia mengetahui sekurang-kurangnya satu bahasa. Namun apakah itu bahasa dan bagaimana manusia memperoleh bahasa? Dalam bidang linguistik, perbincangan berkaitan perkara tersebut diistilahkan sebagai teori pemerolehan bahasa atau dikenali juga sebagai *language acquisition.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1.1 Teori Behavior

Kajian literatur menunjukkan bahawa pengkajian bahasa telah mula dilaksanakan 60 tahun yang lalu dan antara pengkaji yang terawal ialah Skinner (1957). Beliau merupakan pelopor Teori Behavior yang mendakwa bahawa pemerolehan dan pembangunan bahasa berlaku melalui pengaruh alam sekitar. Kanak-kanak belajar bahasa berdasarkan tingkah laku dan menghubungkaitkan kata-kata dengan makna. Sesuatu perkataan disebut dengan betul secara berulang kali sebagai peneguhan secara positif sehingga kanak-kanak menyedari bahawa perkataan atau frasa tersebut mempunyai nilai komunikatif. Sebagai contoh apabila kanak-kanak menyebut 'susu', ibunya akan tersenyum dan memberikannya susu. Hal ini memberikan pengetahuan kepada kanak-kanak tersebut bahawa ‘susu’ ialah sesuatu yang dapat memberi manfaat kepadanya dalam menghilangkan rasa dahaga dan lapar. Begitulah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaannya dengan perkataan-perkataan lain yang didengar oleh kanak-kanak tersebut daripada pertuturan ahli keluarga dan orang sekelilingnya.

Teori behavior juga telah menjadi pendekatan dalam pengajaran bahasa pertama dan bahasa kedua. Petersen (2014), menghuraikan aplikasi teori behavior dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa pertama dan kedua. Menurutnya, guru-guru perlu memahami bahawa pemikiran sebagai 'kotak hitam' manakala respons terhadap rangsangan dapat dilihat secara kuantitatif. Oleh itu, tingkah laku murid-murid dalam pembelajaran merupakan petunjuk kepada guru untuk mengukur pemahaman murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dilaksanakan. Selain itu, pendekatan behavior mengabaikan pembelajaran kognitif atau kesan proses pemikiran yang berlaku dalam minda. Teori ini menyatakan bahawa pendengaran secara berulang kali sesuatu bahasa atau latih tubi sebutan dapat meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap bahasa tersebut. Ganjaran digunakan sebagai peneguhan agar murid-murid dapat mengamalkan bahasa yang betul dan ganjaran ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti pujian, tepukan dan sebagainya.

2.5.1.2 Teori Kognitif

Huraian Skinner tentang pemerolehan bahasa telah mendapat kritikan daripada Piaget (1936) yang tidak bersetuju dengan idea bahawa kecerdasan adalah sifat tetap, dan menganggap perkembangan kognitif sebagai proses yang berlaku akibat kematangan biologi dan interaksi dengan alam sekitar. Teori perkembangan kognitif Piaget (1936)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghuraikan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa dengan membina model mental. Sebagai contoh kanak-kanak sering memberi jawapan yang salah kepada soalan-soalan yang memerlukan pemikiran logik. Beliau percaya bahawa jawapan yang salah ini mendedahkan perbezaan penting yang membawa pengetahuan bahasa kepada kanak-kanak. Pada peringkat awal, ahli-ahli psikologi beranggapan bahawa kanak-kanak kurang berfikir dan kurang kompeten daripada orang dewasa. Walau bagaimanapun, Piaget adalah ahli psikologi pertama yang membuat kajian secara sistematik terhadap pembangunan kognitif kanak-kanak dan menolak tanggapan awal tersebut.

Kajian Piaget mendapati kanak-kanak memperoleh bahasa melalui kognisi dan dilahirkan dengan struktur mental yang sangat asas (diwarisi dan berkembang secara genetik). Kanak-kanak membuat penyusunan semula proses mental yang progresif sebagai hasil kematangan biologi dan pengalaman alam sekitar. Kanak-kanak membina pemahaman tentang dunia di sekeliling mereka, kemudian mengalami kekeliruan antara apa-apa yang sudah diketahui dengan apa-apa yang diketemukan dalam persekitaran. Proses tersebut membolehkan kanak-kanak mempelajari bahasa dan mendapat pengetahuan tentang kosa kata

Petersen (2014), turut menjelaskan pendekatan pengajaran berasaskan teori kognitif dalam bahasa pertama dan bahasa kedua. Menurutnya, teori kognitif menumpukan proses pemikiran dalam pembelajaran bahasa kerana melibatkan ingatan, pemikiran, refleksi, abstraksi, dan metakognisi. Murid-murid yang mempelajari bahasa mementingkan input pertama yang kemudiannya dipindahkan dari ingatan jangka pendek ke memori jangka panjang. Murid-murid membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hipotesis tentang bahasa yang didengarnya. Berbeza daripada pendekatan behavior, walaupun pendekatan kognitif tidak mementingkan pemberian ganjaran, namun pendekatan ini mementingkan kandungan dan tugasan yang boleh dibentangkan dalam pelbagai cara. Murid-murid menghubungkaitkan pembelajaran bahasa dengan pengalaman dan persekitaran yang kemudiannya disimpan dalam ingatan jangka panjang.

2.5.1.3 Teori Mentalis

Teori Mentalis oleh Chomsky (1965) pula menghuraikan pemerolehan dan penguasaan bahasa berdasarkan proses mentalis. Beliau mendakwa bahawa kanak-kanak tidak akan dapat memproses perkataan-perkataan berdasarkan rumus dan hukum bahasa sekiranya pemerolehan bahasa hanya bergantung kepada input bahasa sahaja. Prinsip utama teori pemerolehan bahasa mentalis adalah semua orang berupaya mempelajari bahasa kerana fitrah setiap orang semenjak lahir memperoleh bahasa sebagai proses pembangunan dan kematangan. Menurut Chomsky (1965), setiap orang dilahirkan dengan keupayaan untuk mempelajari bahasa yang dinamakan sebagai *Language Acquisition Device* (LAD) atau Peranti Pengambilalihan Bahasa.

Peranti tersebut mengandungi peraturan utama untuk semua bahasa yang dinamakan sebagai *Universal Grammar* (UG) atau Tatabahasa Sejagat. Murid-murid memerlukan contoh-contoh bahasa bagi menentukan peraturan khusus tentang bahasa tersebut. Menurut Chomsky (1965), pembelajaran bahasa yang berdasarkan bawaan dan faktor sosial hampir tidak berfungsi sama sekali dalam pembelajaran bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manusia mempunyai sifat-sifat semula jadi bahasa yang membolehkan seseorang menguasai bahasa ibunda dalam masa yang sangat singkat walaupun terdapat peraturan bahasa yang sangat abstrak. Sewaktu mempelajari bahasa, minda kanak-kanak berfungsi melalui proses yang unik. Kanak-kanak terdedah kepada ucapan bahasa dan memanipulasi bahasa itu secara sedar untuk membentuk hipotesis dan menguji pembentukan linguistik.

Oleh itu, Chomsky mencadangkan teori Tatabahasa Sejagat sebagai huraian dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa berdasarkan tatabahasa biologi semula jadi. Menurutnya, minda kanak-kanak secara tidak langsung mengkategorikan perkataan berdasarkan kata nama dan kata kerja, yang memudahkan perkembangan bahasa kepada kanak-kanak dan pemprosesan bahasa secara keseluruhan kepada orang dewasa. Berdasarkan Tatabahasa Sejagat, kanak-kanak secara naluriah tahu proses menggabungkan kata nama (contohnya budak lelaki) dan kata kerja (makan) menjadi frasa yang bermakna dan betul (budak lelaki makan). Chomsky telah memberi inspirasi kepada beratus-ratus sarjana sehingga kini untuk menyelidik bahasa berdasarkan tatabahasa.

2.5.1.4 Teori Interaksionalisme

Kebanyakan teori bahasa menumpukan kepada aspek tingkah laku dan kognitif. Walau bagaimanapun Vygotsky (1987) ialah ahli psikologi yang menghuraikan bahasa dalam aspek wacana. Vygotsky ialah pelopor teori interaksionalisme yang mendakwa bahawa seseorang memperoleh dan menguasai bahasa melalui interaksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermakna dengan orang lain. Beliau mencadangkan *Zone Proximal Developmen*t (ZPD) atau Zon Pembangunan Proksimal. Berdasarkan ZPD, seseorang membina bahasa baharu melalui interaksi sosial yang mengambil kira ciri-ciri sosiobudaya dan pengalaman hidup seharian. Semakin hari pengetahuan bahasa seseorang akan berkembang yang kemudian menjadi bahagian dalaman struktur kognitif penutur bahasa itu.

Vygotsky (1978) juga menjelaskan potensi sebenar kanak-kanak dalam pembangunan bahasa berdasarkan ZPD. Pada satu bahagian, kanak-kanak berkeupayaan untuk melakukan tugas bahasa dengan bantuan orang lain. Manakala pada bahagian yang lain, kanak-kanak berupaya untuk melakukan tugas bahasa tanpa bantuan orang lain. Jarak antara dua bahagian tersebut ialah yang dikenali sebagai ZPD yang merupakan perkembangan sebenar yang ditentukan oleh penyelesaian masalah secara bebas sama ada mendapatkan bimbingan orang dewasa atau dengan kerjasama rakan-rakan yang lebih berkemampuan. Peralihan daripada prestasi yang memerlukan bantuan kepada keupayaan sendiri tanpa bantuan orang lain merupakan petunjuk bahawa kanak-kanak tersebut mempunyai peraturan diri.

Di samping itu, menurut Vygotsky (1987), interaksi sosial amat mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Interaksi sosial merupakan tapak pengalaman yang paling asas dalam mempelajari sesuatu bahasa. Melalui interaksi sosial, kecekapan linguistik dan aspek bahasa yang lain digunakan oleh murid-murid bagi memperoleh penyesuaian antara bahasa pertama dengan bahasa kedua. Sebagai contoh sewaktu murid-murid berinteraksi menggunakan bahasa kedua dengan penutur natif, mereka cuba untuk membentuk prinsip asas dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

posisi interaksi. Dalam interaksi tersebut, penutur natif cuba mengubah ucapan mereka bagi membolehkan penutur bahasa kedua memahami apa-apa yang dikatakan manakala penutur bahasa kedua pula menggunakan pengetahuan mereka untuk mendapatkan idea dan mencapai matlamat komunikatif. Proses percubaan-kesalahan dan memberi-mengambil dalam komunikasi ketika berusaha memahami dan difahami dirujuk sebagai 'perundingan makna'. Dalam perundingan makna itu, murid- murid berpotensi membuat kesilapan, namun guru berperanan besar untuk meminta murid-murid mengulangi pertuturan itu sehingga kesilapan dikurangkan. Ujaran murid-murid dalam bahasa kedua merupakan pemboleh ubah penting dalam keseluruhan proses pemerolehan bahasa tersebut.

Secara keseluruhannya, kajian literatur tentang teori pemerolehan bahasa ini membolehkan pengkaji memahami dengan lebih baik tentang pemerolehan dan perkembangan bahasa murid-murid. Walaupun terdapat empat teori pemerolehan bahasa yang dibincangkan iaitu teori behavior, teori kognitif, teori mentalis dan teori interaksionalis, namun kajian ini hanya memilih teori mentalis sebagai teori yang mendasari kajian. Dalam kajian ini, teori mentalis akan digunakan untuk membina langkah pengajaran dan pembelajaran kosa kata sebagai tindakan kajian. Huraian berkaitan aplikasi teori mentalis dalam pembinaan langkah pengajaran dan pembelajaran tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab tiga, iaitu Bab Metodologi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Teori Pengajaran Bahasa

Guru-guru perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman secara implisit atau eksplisit tentang pengajaran, pembelajaran dan penaksiran dalam pendidikan bahasa. Guru-guru bahasa perlu profesionalisme dalam mempraktikkan pelbagai konteks pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori, pengalaman serta refleksi yang berterusan.

Perbincangan berkaitan teori pemerolehan bahasa, iaitu teori behavior, teori kognitif, teori mentalis dan teori interaksionalis menunjukkan bahawa teori-teori tersebut juga boleh dijadikan asas kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa. Scarino dan Liddicoat (2009) mencadangkan agar guru-guru mengamalkan teori konseptualisasi kontemporari sebagai asas untuk mengkaji cara murid belajar. Teori konseptualisasi kontemporari merupakan gabungan lebih dari satu teori, iaitu gabungan teori bahasa dan teori lain yang berkaitan. Scarino dan Liddicoat (2009) juga menjelaskan bahawa gabungan teori akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya murid-murid. Guru-guru perlu mempunyai kepercayaan bahawa setiap murid mempunyai keupayaan intelektual untuk membina konsep, kefahaman, pengalaman dan perasaan yang membentuk pembelajaran mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menumpukan perhatian kepada pengajaran kosa kata Bahasa Cina kepada penutur bahasa kedua. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan teori pengajaran kosa kata bagi membolehkan pengkaji merancang langkah pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang lebih berkesan. Kosa kata dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang bahasa ialah bidang korpus dan semantik justeru pengkaji telah mengenal pasti satu teori yang tepat untuk pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Teori pengajaran kosa kata telah dihuraikan oleh O'keeffe, McCarthy dan Carter (2010) dalam buku yang bertajuk '*From Corpus to the Classroom'.* Secara umum, tiada korpus untuk memenuhi semua tujuan, maka guru-guru bahasa perlu memilih dan menggunakan kaedah yang paling sesuai dengan keperluan.

O'keeffe, McCarthy dan Carter (2010) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan penguasaan kosa kata antara penutur bahasa pertama dan penutur bahasa kedua. Sekiranya terdapat murid-murid penutur natif di dalam sesuatu kelas boleh menguasai dan menggunakan kosa kata tertentu, ini tidak bermaksud murid-murid bahasa kedua di dalam kelas tersebut juga berupaya menguasai kosa kata yang sama. Maka pengukuran bagi penguasaan kosa kata bagi para penutur natif dan penutur bahasa kedua tidak sesuai menggunakan instrumen dan piawaian yang sama. Selain itu, penguasaan murid-murid dalam perbendaharaan kata juga melibatkan keupayaan mereka untuk bertutur secara bebas, strategik dan leksikal.

Di samping itu, terdapat beberapa perisian bagi mengumpul data korpus dalam sesuatu bahasa secara lisan atau penulisan. Perisian tersebut berupaya untuk mengumpul dan mengenal pasti jumlah perkataan yang digunakan untuk komunikasi sehari-hari dalam kalangan penutur natif, malahan perisian korpus juga dapat digunakan untuk mengumpul perkataan yang digunakan dalam sesuatu bidang seperti sastera, teknikal dan saintifik. Dalam konteks pedagogi, data korpus boleh digunakan untuk tujuan rujukan, sebagai contoh, guru boleh meminta murid-murid untuk mencari perkataan yang kerap digunakan sewaktu urusan jual beli. Murid-murid boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan perisian data korpus untuk memperoleh senarai kata yang digunakan dalam urusan jual beli. Walau bagaimanapun, untuk memperoleh makna perkataan, murid-murid perlu merujuk kamus. Oleh hal yang demikian, penggunaan data korpus dan kamus merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua secara berkesan.


Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, guru boleh menggunakan data korpus untuk mengumpul perkataan bagi sesuatu situasi yang akan diajar kepada murid-murid bahasa kedua, sebagai contoh 'urusan untuk mendapat rawatan doktor'. Berdasarkan senarai perkataan tersebut, guru boleh mengkategorikan perkataan menurut golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Guru juga boleh memilih perkataan yang lebih mudah dan sesuai untuk digunakan kepada murid-murid bahasa kedua, misalnya antara perkataan 'sakit kepala' dan 'pening kepala', penggunaan perkataan 'sakit kepala' lebih sesuai diaplikasikan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Perkataan 'sakit' lebih mudah digunakan dan diperluas, sebagai contoh 'sakit perut', 'sakit kaki' dan lain-lain. Murid-murid bahasa kedua akan lebih mengingati perkataan-perkataan tersebut dan berupaya menggunakannya apabila perlu mendapat sebarang rawatan daripada doktor.

Selain itu, kajian Ristović dan Igumanović (2012) telah menggunakan teori pengajaran korpus-kamus oleh O'keeffe, McCarthy dan Carter (2010) bagi membina sebuah model pengajaran kepada murid-murid penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Responden terdiri daripada murid-murid sekolah menengah yang merupakan penutur natif bahasa Serbia. Dalam model tersebut, langkah pertama guru menghuraikan perbezaan dalam struktur ayat antara bahasa natif (Serbia) dan bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedua (Inggeris). Langkah kedua pula, guru meminta murid-murid menterjemahkan ayat (bahasa Inggeris) yang dibaca dalam petikan kepada bahasa Serbia. Kemudian murid-murid menterjemahkan semula ayat bahasa Serbia kepada bahasa Inggeris bagi memastikan ayat tersebut tiada kesilapan terjemahan. Rumusan bagi model pengajaran tersebut adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1. Model Pengajaran Korpus-Kamus

Malahan Ristović dan Igumanović (2012), juga menyenaraikan tujuh kaedah pengajaran kosa kata dalam bahasa kedua. Kaedah pertama ialah kaedah mengesan rangkaian deformasi, Satu kumpulan murid-murid ditugaskan untuk menterjemahkan satu ayat atau beberapa ayat dari bahasa kedua ke dalam bahasa pertama. Selepas itu, terjemahan mereka diberikan kepada kumpulan kedua untuk menterjemahkan teks itu semula ke dalam bahasa kedua. Teks dalam versi bahasa kedua diberi kepada kumpulan ketiga untuk diterjemahkan semula ke dalam bahasa pertama. Selepas beberapa kitaran penterjemahan yang menggunakan bahasa pertama-bahasa kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bahasa kedua-bahasa pertama, maka dapat dikenal pasti perkataan-perkataan yang menyimpang daripada makna asal. Di samping itu, kaedah ini juga dapat menyelesaikan masalah murid-murid bahasa kedua dalam memindahkan perkataan bahasa kedua ke dalam bahasa pertama.

Kaedah kedua ialah kaedah pembinaan peraturan tatabahasa yang boleh dilaksanakan secara individu, pasangan atau kumpulan yang terdiri daripada beberapa orang murid-murid. Guru akan membina terlebih dahulu jadual atau graf berdasarkan golongan kata. Murid-murid dikehendaki mengenal pasti golongan kata bagi perkataan tersebut dan menyalin semula perkataan tersebut dalam petak/lajur mengikut golongan kata yang betul. Kaedah ini berupaya membantu murid-murid untuk mengenal pasti perkataan bahasa kedua berdasarkan golongan kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kaedah ketiga ialah kaedah pembinaan semula sistem tanda baca. Dalam kaedah ini, penguasaan murid-murid dalam kefahaman teks yang dibaca diselaraskan dengan aktiviti rekonstruktif secara tekstual agar sejajar menjadi satu ayat, atau segmen teks yang lebih besar. Walau bagaimanapun, kaedah ini lebih sesuai untuk murid-murid yang berada dalam tahap penguasaan yang tinggi kerana murid-murid tahap tersebut berkeupayaan untuk membaca teks yang panjang, menterjemah dan menganalisis tatabahasa secara langsung. Guru juga boleh menghilangkan semua noktah, koma, tanda tanya, tanda seru, tanda petikan yang lain dan menjadikan semua huruf besar menjadi huruf kecil. Seterusnya murid-murid diminta untuk membuat penandaan tanda baca bagi mewujudkan sempadan perenggan berdasarkan kefahaman terhadap teks tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah keempat pula ialah kaedah menguji memori jangka panjang dan jangka pendek yang telah dibangunkan oleh House (2009). Menurut House (2009) dalam Ristović dan Igumanović (2012), teks dwibahasa merupakan pendorong paling baik dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Murid-murid diberi masa yang singkat untuk membaca sebuah teks dalam bahasa ibunda mereka. Selepas itu, mereka diberi teks yang sama dalam bahasa kedua yang terdapat beberapa perkataan dihilangkan/dikosongkan. Murid-murid diminta untuk mengisi semula perkataan tersebut berdasarkan kefahaman terhadap teks. Proses mengingat teks versi bahasa ibunda melibatkan ingatan jangka pendek, manakala memori jangka panjang diperlukan dalam mengingat aspek pengetahuan, aspek leksikal dan sintaksis pengetahuan bahasa kedua.

Kaedah pengertian kreatif pula ialah kaedah kelima yang membolehkan murid-murid memilih perkataan secara sewenang-wenangnya, atau yang telah ditentukan oleh guru terlebih dahulu. Kaedah ini mengambil kira proses pengajaran, umur murid dan kesesuaian objektif pengajaran dan guru perlu menetapkan tempoh masa untuk melaksanakan aktiviti berdasarkan faktor tersebut. Tahap kreativiti dalam variasi perkataan berbeza-beza mengikut tahap umur dan kemahiran bahasa murid-murid. Oleh itu, guru perlu menyesuaikan variasi perkataan tersebut dengan tahap umur dan kemahiran bahasa murid. Pembentukan kata secara bebas dalam kaedah ini dimulakan dengan cara guru menulis satu perkataan di tengah-tengah papan putih, murid-murid akan menulis perkataan lain dari kiri ke kanan, dari kanan ke kiri, atau di kedua-dua arah, di bahagian atas ke bawah atau bawah ke atas. Jejak binaan dimuatkan dalam kedua-dua versi teks bersampingan, sama ada dengan penyisipan antara baris, atau dengan memadankan bahagian asli teks dengan tulisan yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini menggalakkan murid-murid menggunakan bahasa secara bebas dan berterusan. Walaupun kadangkala terdapat penggunaan kata yang tidak betul, namun guru perlu mengambil peluang untuk menjelaskan bahawa rangkaian perkataan tersebut kurang tepat dan menggalakkan murid-murid memberi perkataan yang lebih tepat. Aktiviti ini perlu dilihat sebagai pengeluaran teks bahasa yang rekonstruktif dan murid-murid perlu dipandu untuk menghasilkan rangkaian perkataan yang bermakna.

Kaedah keenam ialah kaedah naratif pantas dengan peralihan kod. Dalam kaedah ini, murid-murid diminta untuk menceritakan tentang diri mereka dengan menggunakan bahasa kedua yang mudah. Hal ini demikian kerana murid-murid berupaya menceritakan sesuatu secara spontan tentang dirinya dalam bahasa kedua dengan kaedah peralihan kod. Murid-murid membina cerita di dalam minda menggunakan bahasa pertama, kemudian menukarkannya ke dalam bahasa kedua untuk dituturkan. Murid-murid mengubah suai kod arbitrari dan merangkumkannya mengikut urutan serta cuba untuk mengekalkan koheren bahasa kedua. Walaupun berlaku pergeseran dalam peralihan kod pada peringkat permulaan, namun lama-kelamaan, kod-kod itu disimpan secara kekal untuk murid berbahasa menggunakan bahasa kedua secara kreatif dan gramatis. Aktiviti ini merupakan platform asas untuk murid-murid meningkatkan penguasaan bahasa kedua secara bebas, menggunakan ayat yang bebas, pendek dan mudah, seterusnya dikembangkan menjadi ayat-ayat kompleks dan panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah yang ketujuh ialah kaedah *Hyper-links* yang selari dengan lokasi. Pengajaran bahasa kedua di sekolah rendah membentuk dan mengaktifkan pautan *hyper* berdasarkan korpus dwibahasa. Murid-murid yang mempelajari dwibahasa berupaya menyimpan korpus bahasa dalam minda, seterusnya menyelaraskannya mengikut lokasi. Sekiranya terdapat perbezaan variasi yang merangkumi pelbagai ungkapan, pembentukan semula teks, alternatif tunggal atau dua, pencarian dan aktiviti lain, pautan tersebut yang membolehkan murid-murid berpindah antara satu teks ke teks yang lain dalam lokasi tersebut. Contohnya sewaktu murid-murid bahasa kedua diminta membina ayat berdasarkan gambar 'seorang perempuan sedang mencanting batik'. Murid-murid tersebut menyebut perkataan 'mencanting' sebagai 'melukis'. Walaupun murid-murid pada peringkat awal menggunakan perkataan yang kurang tepat iaitu 'melukis', namun guru memperoleh maklumat yang sangat bermakna tentang keupayaan murid-murid untuk menyelaraskan korpus bahasa dan memilih perkataan dalam lokasi yang sama.

Guru juga boleh meminta murid untuk merujuk kamus bagi memperoleh perkataan yang lebih tepat. Dalam hal ini, aktiviti merujuk kamus dikenali sebagai pautan, namun begitu bagi membolehkan murid-murid berinteraksi dengan baik dalam kepantasan yang optimum, maka guru tidak membuat sebarang gangguan semasa murid-murid berinteraksi. Guru hanya membetulkan murid-murid dan meminta mereka merujuk perkataan 'mencanting' dalam kamus di akhir aktiviti tersebut, dengan harapan murid-murid akan menggunakan perkataan 'mencanting'; dalam interaksi yang terdapat lokasi yang sama. Penggunaan kamus sebagai pautan membolehkan murid-murid merujuk perkataan yang sinonim, seterusnya mengingati perkataan tersebut untuk digunakan pada masa yang lain dan di lokasi yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru juga boleh menandakan beberapa perkataan sukar yang terdapat dalam teks bahasa kedua sebagai lokasi permulaan *hyper-links*. Guru sekolah rendah disarankan untuk membuat *hyper-links* secara kualitatif, iaitu kepada perkataan yang benar-benar sukar sahaja dan mengurangkan jumlah perkataan yang sukar dalam sesuatu petikan bagi mengelakkan perkara tersebut menjadi halangan pengajaran dan pembelajaran. Konsep utama *hyper-links* untuk meningkatkan perbendaharaan kata secara beransur-ansur agar murid-murid dapat mengingati kosa kata tersebut dengan baik, seterusnya menggunakannya sewaktu berinteraksi menggunakan bahasa kedua di lokasi yang sama.

Perbincangan berkaitan teori pengajaran kosa kata oleh O'keeffe, McCarthy dan Carter (2010) dan model pengajaran kosa kata oleh Ristović dan Igumanović (2012) membolehkan pembaca memperoleh teori pembelajaran kosa kata yang tepat serta menggunakannya dalam kajian. Walaupun model pengajaran oleh Ristović dan Igumanović (2012) telah menyenaraikan tujuh kaedah model pengajaran dan pembelajaran kosa kata, namun kajian ini menggunakan kaedah yang ketujuh, iaitu kaedah *Hyper-links* yang selari dengan lokasi. Kaedah ini dipilih kerana kaedah ini lebih sesuai untuk digunakan untuk sekolah rendah. Huraian lanjut berkaitan aplikasi kaedah *Hyper-links* yang selari dengan lokasi terdapat dalam Bab tiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Teori dan Prinsip Kognitif Pembelajaran Multimedia (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*-CTML)

2.6.1 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*-CTML)

Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia dibentuk berasaskan tiga teori, iaitu Teori Beban Kognitif Sweller (*Sweller's Theory of Cognitive Load*) , Teori Pengekodan Dual Paivio (*Paivio's dual coding Theory*) dan Model Ingatan Kerja Baddeley (*Baddeley's model of working memory*) yang dikemukakan oleh Mayer (2001). Sorden (2012) menyatakan teori ini adalah untuk mendapat cara pembinaan amalan pengajaran multimedia dan menggunakan strategi kognitif untuk pembelajaran yang lebih berkesan. Jadual 2.1 merupakan rumusan teori dan model tersebut dan Rajah 2.2 pula ialah rumusan model Mayer (2001) secara visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1


Andaian-Andaian Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia

Andaian	Penjelasan	Rujukan Berkaitan
Dua Saluran	Manusia mempunyai saluran pemprosesan maklumat visual dan maklumat auditori secara berasingan.	Paivio, 1986; Baddeley, 1992
Kapasiti Terbatas	Setiap saluran pemprosesan maklumat bagi manusia terbatas bagi memproses sejumlah maklumat pada satu masa.	Baddeley, 1992; Chandler & Sweller, 1991
Pemprosesan Aktif	Manusia terikat dengan pembelajaran aktif melalui pemilihan maklumat kemasukan yang relevan, penyusunan maklumat terpilih kepada perwakilan mental dan mengintegrasikan perwakilan mental dengan pengetahuan lain.	Mayer, 1999

Sumber: http://jurnalrite.weebly.com/uploads/1/3/3/6/13367227/drhaditeori_kognitif_pembelajaran_m ultimedia.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) Sumber: http://jurnalrite.weebly.com/uploads/1/3/3/6/13367227/drhaditeori_kognitif_pembelajaran_multimedia.pdf

2.6.2 Prinsip Pembelajaran Multimedia (*Principles of Multimedia Learning*)

Multimedia ialah gabungan dua atau lebih media seperti perkataan, teks, gambar rajah, audio, video dan lain-lain. Huraian lanjut berkaitan prinsip multimedia adalah seperti yang berikut:

i) Prinsip Multimedia (*Multimedia Principle*) menerangkan bahawa gabungan perkataan dan gambar adalah lebih baik daripada perkataan sahaja.

ii) Prinsip Koheren (*Coherence Principle*) menyatakan bahawa murid-murid belajar lebih baik dengan maklumat yang berkaitan sahaja dimasukkan dalam bahan pengajaran. Gambar rajah dan grafik yang tidak berkaitan tidak perlu dimasukkan dalam persembahan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Prinsip Signal (*Signaling Principle*) yang menjelaskan bahawa pembelajaran adalah lebih berkesan apabila penekanan diberikan kepada matlamat pengajaran dengan penggunaan warna, animasi dan lain-lain lagi.

iv) Prinsip Redudansi (*Redundancy Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih baik dengan grafik dan naratif daripada grafik, narasi dan teks pada skrin.

v) Prinsip Kesinambungan Spatial (*Spatial Contiguity Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih baik apabila perkataan dan gambar rajah muncul serentak.

vi) Prinsip Kesinambungan Waktu (*Temporal Contiguity Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih baik apabila gambar dan teks diletakkan berdekatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii) Prinsip Segmentasi (*Segmenting Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran multimedia dibentangkan dalam segmen pengguna dan bukan sebagai unit yang berterusan.

viii) Prinsip Pralatihan (*Pre-Training Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran multimedia adalah lebih berkesan apabila mengetahui nama dan ciri-ciri konsep utama.

ix) Prinsip Modaliti Belajar (*Modality Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih baik dengan grafik yang statik berbanding dengan persembahan yang berunsurkan multimedia.

x) Prinsip Personalisasi (*Personalization Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran perkataan adalah lebih baik dalam cara konvensional berbanding dengan cara formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xi) Prinsip Suara (*Voice Principle*) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih baik apabila pelajaran multimedia dituturkan dalam suara manusia dan bukannya suara mesin.

xii) Prinsip Image (*Image Principle*) menyatakan bahawa wajah tenaga pengajar tidak semestinya dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran.

Perbincangan berkaitan dengan prinsip multimedia membolehkan pengkaji membina slaid pengajaran yang baik dan berkesan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan dalam kajian. Huraian lanjut berkaitan pembinaan slaid tersebut terdapat dalam Bab Metodologi Kajian.

2.7 Perancangan Instruksional Multimedia dalam Pembelajaran Kosa Kata

Perancangan instruksional adalah amat penting dalam perlaksanaan pembelajaran dan pengajaran. Pengkaji telah memilih Model ASSURE sebagai reka bentuk instruksional dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid tahun tiga di sekolah kebangsaan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Model ASSURE

Model ASSURE diperkenalkan oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino pada tahun 1999. Model ini direka untuk membantu guru-guru membuat perancangan pengajaran yang efektif dengan mengintegrasikan kelas dan penggunaan teknologi dan media (Smaldino, Lowther & Russell, 2012). Perancangan bagi pengajaran dan pembelajaran memerlukan penelitian yang rapi untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Dalam model pembelajaran ini, terdapat enam langkah yang utama iaitu:

i) Analisis murid

Langkah ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri murid untuk menghubungkaitkan mereka dengan hasil pembelajaran. Maklumat ini adalah amat penting kepada pengkaji untuk membuat keputusan dalam perancangan pengajaran agar berupaya mencapai standard pembelajaran yang diingini. Tiga faktor yang amat penting dalam langkah menganalisis murid-murid iaitu:

a) **Ciri-ciri umum murid-murid (*General characteristic*)**

Pengkaji perlu mengenal pasti ciri-ciri umum yang dapat mempengaruhi pembelajaran murid-murid. Ciri-ciri umum ini termasuklah mengenal pasti jantina, kaum, sikap dan kelakuan mereka. Guru juga perlu mengimbas rekod murid-murid untuk mengenal pasti umur, memahami corak pembelajaran serta keupayaan mereka. Menurut Smaldino, Lowther dan Russell (2012), sewaktu membuat perancangan kerja kumpulan, guru perlu mengambil kira jantina murid-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid kerana jantina mempengaruhi tumpuan dan penyertaan mereka dalam aktiviti. Selain itu, untuk kumpulan murid-murid yang terdiri daripada pelbagai kaum, guru perlu membuat pemilihan bahan dan contoh yang berkait rapat dengan mereka. Hal Ini membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang diajar dapat dihubungkaitkan dengan murid-murid.

b) Kemampuan awal murid-murid (*Specific entry competencies*)

Guru boleh menentukan kemampuan awal murid-murid secara formal seperti mengadakan ujian atau merujuk kepada keputusan ujian, manakala cara tidak formal seperti pertanyaan di dalam kelas. Smaldino, Lowther dan Russell (2012) juga menyatakan bahawa ujian kemasukan (*entry tests*) ialah penilaian yang dapat menentukan murid-murid memenuhi prasyarat yang diperlukan dan guru pula dapat memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara optima berdasarkan kemampuan dan kesesuaian murid.

c) Gaya pembelajaran

Smaldino, Lowther dan Russell (2012) menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada sifat-sifat psikologi yang menentukan cara seseorang individu berinteraksi, melihat dan bertindak secara emosi dalam persekitaran pembelajaran. Gaya pembelajaran berbeza bagi setiap orang justeru terdapat sebahagian murid-murid yang suka cara pembelajaran visual (melihat), ada sebahagian murid suka cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran audio (mendengar) manakala terdapat juga murid-murid yang suka cara pembelajaran kinestatik (melakukan).

Murid-murid yang meminati pembelajaran secara visual akan suka pembelajaran yang lebih banyak melihat, seperti membaca dan melihat sesuatu teks berbentuk ayat yang ditulis di papan hitam, buku teks atau paparan komputer. Murid-murid tersebut lebih senang mengingati dan memahami penerangan dan arahan yang ditulis melalui pembacaan.

Murid-murid yang suka pembelajaran audio pula lebih selesa belajar dengan mendengar perkataan, ayat serta arahan. Mereka dapat mengingati isi kandungan dengan lebih baik melalui pembacaan yang kuat. Pengukuhan juga dapat dilakukan iaitu melalui mendengar semula rakaman pita audio dan perbincangan dengan kawan-kawan dan guru.

ii) Menentukan standard dan objektif

Objektif pembelajaran diperoleh melalui standard kurikulum yang telah ditetapkan oleh sesuatu pihak. Standard kurikulum telah menghuraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid manakala objektif pengajaran ditetapkan oleh tenaga pengajar. Sebagai tenaga pengajar, guru perlu menjelaskan kemahiran-kemahiran yang perlu diajar dan dikuasai oleh murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Smaldino, Lowther dan Russell (2012), terdapat beberapa proses yang penting dalam membentuk objektif. Objektif pembelajaran berdasarkan ABCD adalah sangat membantu dalam penentuan model pembelajaran media seperti berikut:

a) A = *audience* (penonton)
b) B = *behavior* (sikap)
c) C = *condition* (keadaan)
d) D = *degree* (darjah)

Berdasarkan objektif pengajaran tersebut, guru dapat memilih strategi, teknologi dan media yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Memilih strategik, teknologi, media dan bahan pengajaran

Terdapat beberapa panduan dalam proses pemilihan strategi pengajaran, teknologi, media dan bahan pengajaran. Antaranya adalah seperti yang berikut:

a) Pemilihan strategi

Pertimbangan terhadap strategi yang digunakan perlu disesuaikan dengan standard dan objektif pengajaran. Gaya pembelajaran dan motivasi murid-murid juga adalah antara faktor pertimbangan dalam pemilihan strategi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Pemilihan teknologi dan media

Untuk memilih media yang sesuai bukanlah sesuatu perkara yang mudah, guru perlu memilih media yang bersesuaian dengan murid-murid, standard pembelajaran serta objektif pembelajaran tersebut. Menurut Smaldino, Lowther dan Russell (2012), rubrik pemilihan ialah prosedur yang sistematik dalam menentukan kualiti teknologi dan media yang perlu dipilih. Antara kriteria yang perlu dipertimbangkan termasuklah selaras dengan standard, hasil pembelajaran, dan objektif pengajaran (*alignment with standards, outcomes, and objectives*), sesuai dengan informasi terkini (*Accurate and current information*), laras bahasa yang sesuai dengan umur pelajar (*age-appropriate language*), kualiti teknikal (*Technical quality*), tidak berat sebelah (*bias free*) dan panduan pengguna (*User guide and direction*).

c) Pemilihan, pengubahsuaian dan mereka bentuk bahan

Dalam pemilihan strategi dan jenis teknologi dan media, kita hendaklah memilih bahan yang sesuai. Secara umumnya, terdapat tiga langkah iaitu memilih bahan yang sedia ada, mengubah suai bahan yang sedia ada dan mereka bentuk bahan yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Penggunaan teknologi, media dan bahan pengajaran

Proses ini meliputi lima langkah yang utama ("5 Ps") iaitu (i) melihat dan menyediakan teknologi, media dan bahan serta menyusun media dan bahan, (ii) menyediakan situasi dan suasana tempat pengajaran yang perlu disediakan seperti pembelajaran dijalankan di dalam kelas atau di dalam bilik komputer. Hal ini disebabkan terdapat media tertentu yang lebih sesuai digunakan di tempat yang gelap, (iii) menyediakan set induksi yang berupaya merangsang dan menyediakan murid-murid dalam pembelajaran, (iv) menyediakan pengalaman pembelajaran, v) menggunakan cara pengajaran seperti persembahan, membuat demokrasi, latih tubi, tutorial dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v) Mengembangkan penglibatan peserta didik

Melibatkan murid-murid dalam proses pembelajaran melalui teknologi, iaitu menganggap teknologi sebagai pemangkin minat murid-murid untuk belajar.

vi) Menilai dan memperbaiki

Menilai sama ada teknologi dan bahan yang digunakan sesuai dalam pembelajaran. Guru perlu mengumpul tindak balas murid-murid terhadap soalan-soalan berikut: Adakah pembelajaran tersebut mencapai objektif yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikehendaki? Adakah murid-murid tertarik dengan teknologi dan media yang digunakan?

2.8 Motivasi dan Minat

2.8.1 Motivasi

Mengikut Schunk, Pintrick dan Meece (2008), motivasi didefinisikan sebagai *movere* yang berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud "bergerak" (*to move*). Mereka turut menyatakan bahawa motivasi memberi kesan kepada semua aktiviti di dalam bilik darjah kerana motivasi berupaya mempengaruhi sikap pembelajaran baharu dan pencapaian murid-murid. Wentzel dan Brophy (2014) pula mengulas bahawa dalam konteks bilik darjah, konsep motivasi murid-murid ditakrifkan sebagai cara untuk menerangkan tahap perhatian yang diberikan oleh murid-murid sama ada atas sebab usaha guru atau atas sebab diri sendiri.

Menurut Wentzel dan Brophy (2014), terdapat enam kunci soalan yang dijadikan asas teori perspektif terhadap motivas, iaitu: i) Apakah yang perlu saya buat? *(What do I want to do?)* ii) Apakah yang patut saya buat? *(What am I supported to do?)* iii) Adakah ia penting dan menyeronokkan? *(Is this important and enjoyable to do?)* iv) Bolehkah saya buat? *(Can I do?)* v) Apakah yang menyebabkan kejayaan dan kegagalan? *(What causes success and failure?* vi) Adakah sesiapa yang peduli kalau saya membuatnya? *(Does anybody care if I do it?)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1.1 Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik bergantung kepada diri sendiri untuk melakukan sesuatu tanpa dipengaruhi oleh rangsangan luar. Motivasi intrinsik akan merangsang seseorang menjadi orang yang berjaya dan berpengetahuan. Motivasi ini muncul daripada kesedaran diri sendiri dengan tujuan tertentu. Sobry Sutikno (2007) menjelaskan motivasi intrinsik sebagai motivasi yang timbul dari dalam diri individu sendiri tanpa paksaan atau dorongan orang lain, tetapi atas dasar kemahuan sendiri.

Dari beberapa pendapat tersebut, motivasi intrinsik boleh disimpulkan sebagai motivasi yang muncul dari dalam diri seseorang tanpa memerlukan rangsangan dari luar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1.2 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik bergantung kepada rangsangan dari luar. Biasanya motivasi ekstrinsik muncul kerana ganjaran seperti wang dan gred atau ancaman hukuman. Pertandingan juga menggalakkan motivasi ekstrinsik kerana aktiviti itu mengarahkan pelaku untuk menang dan mengalahkan orang lain. Selain itu, sorakan, pujian dan kata-kata semangat daripada orang lain ialah faktor pendorong yang kuat untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, motivasi ekstrinsik sesuai diterapkan dalam kalangan kanak-kanak yang belum mampu membuat perbandingan antara kesan baik dan buruk sesuatu perlakuan atau tindakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.2 Minat

Kamus Dewan Edisi kedua mendefinisikan minat sebagai kecenderungan atau keinginan kepada sesuatu secara mendalam. Di samping itu, Sahjan (2016) menyatakan bahawa minat ialah kecenderungan yang ditunjukkan oleh murid-murid apabila adanya rangsangan yang menarik minat untuk mereka mempelajari sesuatu ilmu. Woolfolk (1998) juga menyatakan bahawa aspek yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran ialah minat dan usaha.

2.9 Kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan kajian lepas tentang pembolehubah kajian ini, iaitu penggunaan teknologi sebagai pembolehubah tidak bersandar manakala penguasaan kosa kata, minat dan motivasi dalam pengajaran sebagai pembolehubah bersandar. Kajian-kajian yang dilaksanakan di luar negara atau di Malaysia dibincangkan dalam bahagian ini bagi memberi justifikasi pelaksanaan kajian penggunaan teknologi terhadap penguasaan, minat dan motivasi murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.1 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Kedua

Kajian literatur menunjukkan terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan bagi mengenal pasti kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa. Antara kajian tersebut itu ialah kajian oleh Bassma (2013) di Iraq, Suwantarathip (2015) di Thailand, Agca dan Özdemir (2013), serta Solak dan Cakir (2015) di Turki yang telah mengkaji penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa kata bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua manakala kajian Kennedy, Thomas, Meyer, Alves dan Lloyd (2014) di Amerika merupakan kajian-kajian yang meneliti penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa kata bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama.

Kajian literatur menunjukkan masih kurang kajian yang memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran kosa kata bahasa Cina sebagai bahasa kedua, iaitu pengajaran bahasa Cina kepada murid-murid yang bukan berbangsa Cina. Pencarian kajian lepas menunjukkan terdapat satu kajian yang hampir serupa dengan kajian ini, iaitu kajian Shao (2012) yang menyelidik penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran kosa kata bahasa Cina. Namun begitu dalam kajian tersebut, bahasa Cina ialah bahasa pertama, iaitu diajarkan kepada murid-murid yang berbangsa Cina atau kepada murid-murid penutur natif bahasa Cina.

Selain itu, terdapat beberapa kaedah kajian yang telah digunakan untuk mengkaji penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa kedua. Kajian Agca dan Özdemir (2013), Suwantarathip (2015), Solak dan Cakir (2015) serta Solak dan Cakir (2015) telah menggunakan kaedah kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuasi-eksperimental manakala kajian Bassma (2013) pula menggunakan kaedah kajian kes. Semua kajian tersebut telah menggunakan murid sekolah sebagai responden kajian. Kajian Kennedy, Thomas, Meyer, Alves dan Lloyd (2014) pula lebih unik kerana menggunakan murid-murid berkeperluan khas, iaitu murid kelas Pendidikan Khas sebagai responden kajian.

Di samping itu pelbagai teknologi telah digunakan dalam kajian lepas, antaranya menggunakan teknologi telefon bimbit seperti kajian Suwantarathip (2015) yang menggunakan SMS dan kajian Agca dan Özdemir (2013) yang menggunakan kamus digital. Antara kajian yang menggunakan teknologi yang canggih ialah kajian Solak dan Cakir (2015) yang menggunakan *Augmented Reality Technology* dan kajian Kennedy, Thomas, Meyer, Alves dan Lloyd (2014) yang menggunakan perisian baharu yang dicipta khusus untuk murid-murid berkeperluan khas, iaitu *Content Acquisition Podcasts* (CAPS).

Hampir semua dapatan kajian lepas tersebut menunjukkan bahawa penggunaan teknologi memberi kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Dapatan kajian Agca dan Özdemir (2013), Suwantarathip (2015) serta Solak dan Cakir (2015) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi berupaya meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kosa kata bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kesimpulannya penggunaan teknologi berupaya meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kosa kata walaupun kepada murid-murid berkeperluan khas. Kesemua kajian tersebut telah dilaksanakan hampir lima tahun yang lalu, justeru pelaksanaan kajian ini dapat menentukan sama ada dapatan yang sama akan diperoleh setelah lima tahun berlalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, kebanyakan kajian penggunaan teknologi telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan masih kurang kajian dilaksanakan tentang penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Selain itu, kebanyakan kajian tersebut dilaksanakan di luar negara manakala di Malaysia, masih kurang kajian yang mengkaji penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam mata pelajaran bahasa. Oleh itu, perkara ini dapat dijadikan sebagai justifikasi akan kepentingan kajian ini dilaksanakan.

Sebahagian besar daripada kajian tersebut menggunakan kaedah kajian kuasi eksperimental yang menunjukkan bahawa kaedah tersebut berupaya untuk mengenal pasti kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Oleh itu, kajian ini juga akan menggunakan kaedah kajian kuasi eksperimental yang akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab Metodologi Kajian.

2.9.2 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Minat dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kajian literatur berkaitan dengan pemboleh ubah minat dalam kajian penggunaan teknologi multimedia terhadap pengajaran dan pembelajaran menunjukkan kebanyakan kajian tersebut telah dilaksanakan terhadap para pelajar universiti, antaranya ialah kajian Gikas dan Grant (2013) di Amerika Syarikat, Manca dan Ranieri (2013) di Itali, Roehl, Reddy dan Shannon (2013) di Amerika Syarikat, manakala kajian Dahlstrom dan Bichsel (2014) dilaksanakan terhadap pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

universiti di 16 buah negara. Hanya sebilangan kecil dari kajian tersebut dilaksanakan terhadap murid-murid, antaranya ialah kajian Walkington (2014) yang telah dilaksanakan terhadap murid-murid sekolah menengah di Amerika Syarikat.

Kebanyakan kajian lepas tersebut tidak berfokus kepada sesuatu mata pelajaran tertentu. Kajian-kajian tersebut hanya mengkaji secara umum kesan penggunaan teknologi dalam menarik minat para pelajar untuk belajar. Hanya kajian Walkington (2014) yang melaksanakan kaedah kajian kuasi-eksperimen bagi mengkaji penggunaan teknologi dalam menarik minat murid-murid dalam mata pelajaran matematik.

Selain itu, Gikas dan Grant (2013), Manca dan Ranieri (2013), Roehl, Reddy dan Shannon (2013), Dahlstrom dan Bichsel (2014) telah menjalankan kajian menggunakan kaedah tinjauan. Dahlstrom dan Bichsel (2014) melaksanakan kaedah tinjauan pendekatan kuantitatif kepada 1,155,87316 orang pelajar universiti di 16 buah negara, manakala kajian Gikas dan Grant (2013) pula melakukan kaedah tinjauan pendekatan kualitatif kepada sembilan orang sampel kajian yang menggunakan temu bual *skype*, analisis dokumen dan pemerhatian. Di samping itu, kaedah kajian literatur atau dikenali juga sebagai kajian kepustakaan telah dilaksanakan oleh Manca dan Ranieri (2013) terhadap 1, 383 kertas kerja dan kajian Roehl, Reddy dan Shannon (2013) terhadap 25 kertas kerja. Kajian Gikas dan Grant (2013), Manca dan Ranieri (2013), Dahlstrom dan Bichsel (2014) dan kajian Walkington (2014) mengkaji penggunaan teknologi multimedia sebagai bahan pengajaran manakala kajian Roehl, Reddy dan Shannon (2013) mengkaji penggunaan teknologi multimedia sebagai kaedah pengajaran, iaitu kaedah *Flipped Learning*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua kajian tersebut telah dilaksanakan hampir lima tahun yang lalu, maka pelaksanaan kajian ini diharap dapat menentukan sekiranya dapatan yang sama akan diperoleh oleh pengkaji. Tambahan pula, kebanyakan kajian kesan penggunaan teknologi terhadap minat lebih banyak dilaksanakan di luar negara, sebaliknya masih kurang dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu, kepentingan kajian ini dilaksanakan dapat dijustifikasikan berdasarkan perkara tersebut.

Sebahagian besar daripada kajian tersebut merupakan kajian secara umum yang tidak berfokus kepada mana-mana mata pelajaran dan menggunakan kaedah tinjauan. Maka kajian ini akan mengkaji kesan penggunaan teknologi terhadap minat murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Cina yang menggunakan kaedah kuasi-eksperimen. Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab Metodologi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.3 Kajian Lepas tentang Penggunaan Teknologi terhadap Motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kajian literatur berdasarkan pemboleh ubah motivasi menunjukkan terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilaksanakan bagi mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia terhadap motivasi belajar dalam kalangan murid-murid. Antara kajian tersebut itu termasuklah kajian Serio, Ibáñez dan Kloos (2013) di Sepanyol, Ciampa, (2014) di Kanada, Sung dan Hwang, (2013) serta Hwang, Hung, dan Chen (2014) di Taiwan manakala kajian Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013) pula dijalankan terhadap 110 pelajar universiti di Netherland.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kaedah kajian kuasi-eksperimen dilaksanakan oleh Sung dan Hwang (2013) terhadap 64 orang murid dan Hwang, Hung dan Chen (2014) pula melibatkan 167 orang murid yang telah dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kaedah kajian kes pula dijalankan oleh Serio, Ibáñez dan Kloos (2013) dan Ciampa (2014) manakala kajian Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013) dilaksanakan menggunakan kaedah kajian korelasi.

Di samping itu, terdapat pelbagai teknologi yang digunakan dalam kajian tersebut, antaranya penggunaan telefon pintar dan tablet oleh Hwang, Hung dan Chen (2014) dan Ciampa (2014). Penggunaan teknologi komputer dan e-pembelajaran pula diaplikasikan dalam kajian Sung dan Hwang (2013) serta Serio, Ibáñez dan Kloos (2013). Manakala teknologi *Video Conferencing* oleh Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013). Kebanyakan kajian tersebut berfokus kepada mata pelajaran Sains, seperti kajian Sung dan Hwang (2013) serta Hwang, Hung dan Chen (2014). Kajian Serio, Ibáñez dan Kloos (2013) pula memberi tumpuan kepada subjek Seni Visual dan kajian Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013) dalam subjek Ekonomi dan Perniagaan. Hanya Ciampa (2014) yang mengkaji penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang memberi motivasi kepada murid-murid.

Pelaksanaan kajian ini diharap akan dapat menentukan sama ada dapatan kajian lima tahun yang lalu sama dengan dapatan dalam kajian ini. Tambahan pula, kebanyakan kajian penggunaan teknologi multimedia terhadap motivasi lebih banyak dilaksanakan di luar negara, sebaliknya masih kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, perkara ini merupakan satu justifikasi akan kepentingan kajian ini dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, sebahagian besar daripada kajian tersebut merupakan kajian yang tidak berfokus kepada mata pelajaran bahasa. Maka kajian ini akan mengkaji kesan penggunaan teknologi terhadap motivasi murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Cina yang menggunakan kaedah kuasi-eksperimen.

2.9.4 Kajian Lepas tentang Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina di Luar Negara Malaysia

Kajian Shao (2012) yang bertajuk "*The Use of Multimedia Material in Teaching Chinese as a Second Language and Pedagogical Implications*" menyatakan bahawa Perkembangan Pembelajaran Bahasa Berbantukan Komputer (*Computer Assisted Language Learning*-CALL) telah memberi ruang yang luas dalam penguasaan kosa kata. Kajiannya telah menunjukkan bahawa media komputer dan multimedia dapat membantu pembelajaran kosa kata untuk penutur bahasa asing. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa lebih daripada 80 peratus responden kajian memberi maklum balas yang positif terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan penggunaan teknologi multimedia dan mereka berpendapat penggunaan teknologi multimedia berguna, selesa dan menarik diaplikasikan dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Kesimpulan

Bahagian ini telah membincangkan kajian-kajian lepas tentang kesan penggunaan teknologi multimedia terhadap penguasaan kosa kata, minat dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Kandungan penggunaan multimedia diperoleh pengkaji berdasarkan perbincangan pengajaran multimedia. Pembinaan langkah pengajaran dan pembelajaran kosa kata dalam kajian ini pula diperoleh berdasarkan perbincangan teori pemerolehan bahasa dan teori pengajaran kosa kata. Hal ini demikian kerana teori yang berasaskan pemerolehan bahasa dan pengajaran kosa kata akan meningkatkan lagi keupayaan kajian ini. Perbincangan tentang kajian lepas berkaitan dengan pemboleh ubah tidak bersandar penggunaan teknologi multimedia dan pemboleh ubah bersandar, iaitu penguasaan kosa kata, minat dan motivasi bagi memberi justifikasi bahawa pelaksanaan kajian ini berupaya memberi nilai tambah kepada kajian sedia ada. Huraian lanjut tentang kaedah pelaksanaan kajian akan dibinncangkan dalam bab seterusnya, iaitu Bab Metodologi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran yang dibandingkan dengan pengajaran secara konvensional terhadap pencapaian penguasaan kosa kata, minat dan motivasi murid.

Talib (2013) dalam Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik menyatakan bahawa bab ini adalah amat penting kerana bahagian ini melibatkan pengetahuan khusus dalam kaedah penyelidikan. Pengkaji menerangkan rasional pemilihan reka bentuk kajian, lokasi kajian, prosedur kajian, teknik pensampelan, penyediaan instrumen termasuk kebolehpercayaan dan kesahan instrumen, teknik pengumpulan dan kaedah penganalisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kuasi-experimen ialah kajian kuantitatif yang membuat perbandingan antara kumpulan kajian dan kumpulan rawatan. Kajian jenis ini adalah sesuai untuk menguji hipotesis berkaitan dengan hubungan sebab dan akibat serta menentukan sama ada rawatan tersebut memberi kesan terhadap kumpulan rawatan. (Rasinger, 2013 ; Fraenkel, Wallen & Hyun, 2016 ; Creswell 2012;2014)

Dalam kajian ini, kajian kuasi-experimen diimplementasikan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata, minat dan motivasi murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pengkaji membuat perbandingan antara dua kaedah pembelajaran dan pengajaran, iaitu dengan menggunakan teknologi multimedia dan kad imbasan justeru reka bentuk kuasi eksperimen adalah amat bersesuaian dengan kajian ini.

Pengkaji telah memilih dua kumpulan yang sedia ada (intact group) dari dua buah sekolah berlainan sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Selain itu, kumpulan sedia ada dipilih supaya tidak mengganggu sesi pembelajaran dan masa pengajaran juga dapat digunakan secara optimum.

Intrumen kajian yang ditadbir kepada kedua-dua kumpulan ini termasuk ujian pencapaian penguasaan kosa kata pra dan pasca, soal selidik pra dan pasca berkaitan minat dan motivasi. Instrumen-instrumen tersebut diberikan kepada kedua-dua kumpulan sebelum dan selepas kajian dijalankan. Berikut ialah ringkasan reka bentuk kajian dan instrumen kajian:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Ringkasan Reka Bentuk Kajian

Bil	Objektif	Jenis Reka Bentuk	Instrumen
1	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Kuasi-eksperimen	Ujian pencapaian penguasaan kosa kata -Ujian pra -Ujian pasca
2	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Kuasi-eksperimen	Soal Selidik -Soal Selidik Pra -Soal Selidik Pasca
3	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan murid-murid Tahun 3 yang memilih Bahasa Cina sebagai bahasa tambahan dan mempunyai pencapaian awal, umur, dan aliran yang sama. Hal ini kerana sampel yang homogen adalah penting untuk memastikan kebolehpercayaan kajian ini.

Pengkaji menjalankan ujian pra (*Pre-test*) dan ujian pasca (*Post-test*) terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian pra yang sama diberikan kepada kedua-dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum rawatan dijalankan. Rawatan pembelajaran dengan mengaplikasikan teknologi multimedia hanya diberikan kepada kumpulan rawatan sahaja manakala kumpulan kawalan pula diajar dengan pembelajaran konvensional menggunakan kad imbasan. Ujian pasca diberikan kepada kedua-dua kumpulan selepas pembelajaran dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, responden dalam kajian ini menduduki ujian pra untuk mengenal pasti tahap awal penguasaan kosa kata dan seterusnya ujian pasca selepas kajian dijalankan. Ujian pra diadakan bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata sampel sebelum eksperimen dijalankan manakala ujian pasca yang sama diberikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas pembelajaran dijalankan.

Format ujian pra dan pasca adalah hampir sama pengolahan soalannya. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan ingatan murid terhadap kosa kata yang pernah diuji dalam kedua-dua ujian yang jaraknya hanya beberapa minggu. Perbezaan pencapaian antara dua kumpulan dianalisis dan dibandingkan. Markah ujian pra dan ujian pasca pula dikumpul untuk mengenal pasti keberkesanan rawatan yang dijalankan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 menunjukkan reka bentuk kajian ini iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mempelajari kosa kata yang dipilih daripada buku teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahun 3. Kumpulan rawatan didedahkan dengan pengajaran menerusi teknologi multimedia, manakala kumpulan kawalan menggunakan pembelajaran konvensional iaitu dengan pembelajaran kad imbasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Kuasi Exsperimen: Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Kumpulan	Ujian Pra	Pendekatan Pengajaran	Ujian Pasca
Kawalan	0_1	C	0_2
Rawatan	0_1	X	0_2

O_1: Ujian pra
O_2: Ujian pasca
C : Pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan pembelajaran dan pengajaran konvensional, kad imbasan
X: Pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan pembelajaran dan pengajaran tekonologi multimedia

3.3 Kerangka Kerja Operasi

Kerangka kerja operasi telah digubah oleh pengkaji untuk memastikan kelancaran kajian. Pengkaji memulakan kajian dengan pemilihan sampel untuk memperoleh data kajian.


Seterusnya, pengkaji mencari maklumat dan membina instrumen kajian justeru antara instrumen kajian yang dibina termasuk lapan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), ujian pencapaian pengusaan kosa kata pra dan pasca, soalan selidik minat dan motivasi pra dan pasca serta lapan unit pengajaran *powerpoint* multimedia. Instrumen kajian telah disemak dan disahkan oleh lapan orang pakar yang terdiri daripada pakar bidang dan pakar praktik yang berkaitan. Pemurniaan instrumen telah dibuat selepas perbincangan dengan pakar-pakar tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, kajian rintis telah dijalankan di sebuah sekolah yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sekolah kajian sebenar. Hasil daripada kajian rintis ini, pemurniaan instrumen telah dilakukan sekali lagi sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian sebenar dilaksanakan di sekolah yang terpilih selama lapan minggu secara berterusan. Berikut ialah kerangka operasi kajian ini:



Rajah 3.1. Kerangka Kerja Operasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi dan Pensampelan

Populasi ditafsirkan oleh Creswell (2012) dalam bukunya *Education Research* sebagai kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Kaedah pensampelan perlu dipilih berdasarkan faktor-faktor seperti ciri-ciri kumpulan sasaran (*the characteristics of the target population*) dan kehadiran sampel (*availability of participants*). Menurut Cohen, Manion dan Morrison (2007) cara pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* ialah sampel tersebut dipilih dengan bertujuan.

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid Tahun 3 yang mempelajari BCSK sebagai Bahasa Tambahan mereka di sekolah-sekolah kebangsaan pada tahun 2017. Sampel dipilih menggunakan pensampelan bertujuan dan kumpulan sedia ada digunakan kerana pemilihan sampel secara rawak tidak dapat dijalankan di sekolah. Di samping itu, sampel dalam kajian ini dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu, iaitu sampel mesti terdiri murid tahun 3 yang mempelajari BCSK di sekolah kebangsaan. Sampel ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Untuk memenuhi hukum statistik, 30 sampel dipilih supaya data yang diperoleh boleh dianalisis dan dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pemilihan sekolah

Sasaran responden ialah murid-murid Tahun 3 yang memilih Bahasa Cina di sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur. Terdapat 38 buah sekolah yang menawarkan subjek Bahasa Cina sebagai bahasa elektif dan hanya terdapat sembilan buah sekolah yang mempunyai lebih 30 murid dalam satu kelas untuk aliran Tahun 3. Pengkaji memilih secara rawak dua buah sekolah kebangsaan sebagai kawalan dan rawatan setelah mendapat persetujuan daripada guru-guru berkenaan. Kedua-dua kumpulan dikenal pasti kehomogenannya dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina melalui ujian pra. Hal ini bertujuan untuk memastikan kedua-dua kumpulan adalah homogen iaitu mempunyai pencapaian yang sama sebelum kajian supaya kajian yang dijalankan adalah adil untuk kedua-dua kumpulan. Ujian tersebut dijalankan seminggu sebelum rawatan kajian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, Jadual 3.3 menunjukkan analisis ujian-*t* sampel bebas (*Independent sample t test*) terhadap ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian-*t* bebas ini digunakan untuk membuat perbandingan min pencapaian skor antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi mengenal pasti kehomogenan antara sampel. Keputusan menunjukkan min skor pencapaian dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina untuk kumpulan kawalan ialah 3.47 manakala min skor pencapaian untuk kumpulan rawatan ialah 3.59. Dalam analisis ini, ujian *Levene* menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik ($p > .05$), maka varians diandaikan sama antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Keputusan ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Min Skor Pencapaian Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina dalam Ujian Pra antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	DK	Nilai t	Nilai P
Kumpulan Kawalan	32	3.47	1.778	67	- 0.303	.793
Kumpulan Rawatan	32	3.59	1.674			

3.4.2 Ciri-ciri Guru

Jadual 3.4 menunjukkan ciri-ciri pemilihan dua orang guru dari sekolah yang berlainan untuk melaksanakan pengajaran dalam kajian ini. Kedua-dua orang guru merupakan guru perempuan yang mendapat anugerah Sarjana Muda dalam pengajaran bahasa Cina. Guru A berumur 31 tahun dan telah mengajar selama 6 tahun dalam subjek Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan manakala Guru B berumur 29 dan telah mengajar lebih 5 tahun dalam subjek bahasa Cina Sekolah Kebangsaan.

Jadual 3.4

Maklumat Ciri Pengajar yang Dipilih

Kumpulan	Sekolah	Guru yang mengajar
Kawalan	Sekolah A	Guru A 31 Tahun Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Cina (Kolej Tunku Abdul Rahman) Diploma Pendidikan BCSK (KPLI) 6 Tahun pengalaman mengajar BCSK (Sejak Ogos 2011)
Rawatan	Sekolah B	Guru B 29 Tahun Sarjana Kesusasteraan (Pengajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua)

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4 (*Sambungan*)

Kumpulan	Sekolah	Guru yang mengajar
		Diploma Pendidikan (KPLI) 5+ Tahun mengajar BCSK (Sejak April 2012)

3.5 Pembolehubah Operasional

Dalam buku *How to Design and Evaluate Research in Education* yang ditulis oleh Fraenkel et al. (2016), beliau menyatakan bahawa pengelasan pemboleh ubah sebagai pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar ialah cara yang umum dan berguna. Oleh itu, pembolehubah dalam kajian ini dibahagikan kepada pembolehubah tidak bersandar, iaitu penggunaan teknologi multimedia dan pembolehubah bersandar, iaitu skor min pencapaian murid dalam penguasaan kosa kata, tahap minat dan motivasi.

Kajian ini dilaksanakan untuk memanipulasikan pemboleh ubah tidak bersandar (penggunaan teknologi multimedia) kepada kumpulan murid yang mengikuti pembelajaran bahasa Cina dengan menggunakan bahan bantu *PowerPoint* dan memerhatikan kesannya terhadap perubahan pada pemboleh ubah bersandar (pencapaian dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina, tahap minat dan motivasi). Kesannya boleh dikenal pasti melalui perbezaan keputusan pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Selain itu, beberapa hipotesis telah dibentuk untuk menguji objektif kajian.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{A1}: Terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

H_{A2}: Terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

H_{A3}: Terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.



Rajah 3.2. Hubungan antara Pembolehubah Tidak Bersandar dengan Pemboleh ubah Bersandar

3.6 Instrumen Kajian

Ujian pencapaian penguasaan kosa kata dan soal selidik iaitu ujian pra-pasca dan soal selidik pra-pasca digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Instrumen ujian pra dan ujian pasca ialah instrumen utama, manakala soal selidik pra-pasca adalah untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian. Setiap instrumen yang digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memainkan peranan yang tersendiri. Huraian bagi setiap instrumen tersebut adalah seperti yang berikut:

3.6.1 Soalan Ujian Pra-Pasca

Ujian pra dan ujian pasca ialah ujian kebolehan untuk mendapat skor pencapaian murid dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina. Instrumen ini dibina berdasarkan kosa kata yang telah diajar boleh pengkaji. Ujian ini mempunyai 25 soalan dan masa yang diperuntukkan ialah selama 30 minit. Set soalan yang sama diberikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan manakala soalan yang hampir sama juga diberikan semasa ujian Pra dan ujian Pasca. Di samping itu, ujian ini mengikut format biasa yang digubal oleh guru sekolah dan bersesuaian dengan tahap penguasaan murid. Pengkaji juga dapat membandingkan pencapaian kedua-dua kumpulan dan seterusnya menentukan tahap penguasaan kosa kata semasa proses pembelajaran kosa kata bahasa Cina.

Ujian pra dan ujian pasca mengandungi empat bahagian yang mempunyai 30 soalan yang terdiri daripada tiga bentuk soalan:

1. Padankan kosa kata dengan gambar rajah
2. Nomborkan kosa kata dengan gambar rajah
3. Bulatkan kosa kata yang sesuai dalam ayat mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Soal Selidik

Mohd Majid Konting (1990) berpendapat instrumen soal selidik adalah amat sesuai dalam pendidikan untuk mengumpul data. Dalam buku *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*, Talib (2013) juga telah menyatakan bahawa soal selidik sering menjadi pilihan kerana mudah, murah dan cepat untuk mendapatkan maklumat daripada responden tentang sesuatu perkara.

Dalam kajian ini, soal selidik tertutup digunakan untuk memberi gambaran yang lebih spesifik berkenaan dengan kesan minat dan kesan motivasi terhadap murid-murid menerusi penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Hal ini kerana soal selidik tertutup ini adalah sesuai dijawab oleh murid-murid tahun 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, soal selidik ini digubal berdasarkan soalan kajian dengan merujuk kepada tesis lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik dalam tesis Shahizal (2016) dan Choo (2015) dijadikan rujukan dan memberikan panduan dan idea kepada pengkaji untuk membina soal selidik yang bersesuaian dengan kajian ini.

Selain itu, soal selidik bahagian motivasi diterjemahkan oleh pengkaji dan disahkan oleh dua orang guru bahasa Inggeris dan dua orang guru bahasa Melayu. Langkah Ini adalah untuk mengenal pasti penterjemahan yang dibuat adalah tepat dan bersesuaian dengan sampel. Oleh itu, Jadual 3.5 menunjukkan komen-komen daripada pakar guru bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Secara keseluruhan komen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan menunjukkan soal selidik tersebut tepat, mudah difahami dan sesuai untuk kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, berdasarkan ulasan pakar bahasa tersebut, pengkaji telah memurnikan ayat dalam item 12, 13,15 dan 16.

Jadual 3.5

Komen-komen Pakar yang Mengesahkan Soal Selidik

Pakar-pakar	Pengalaman	Kelayakan	Ulasan & Penambahanbaikan
Guru A	Guru Bahasa Inggeris selama 30 Tahun	Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Inggeris) APTIS Test C1	Tepat & sesuai
Guru B	Guru Bahasa Inggeris selama 29 Tahun	Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Inggeris) APTIS Test C1	Tepat & mudah difahami
Guru C	Guru Bahasa Melayu selama 23 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Sekolah Rendah (Bahasa Melayu)	Tepat & sesuai Pemurnian ayat 13,15,16
Guru D	Guru Bahasa Melayu selama 15 Tahun	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah (Bahasa Melayu)	Tepat & sesuai Pemurnian ayat 12,13,15

Soal selidik dalam kajian ini dibina berdasarkan rujukan tertentu justeru Jadual 3.6 menunjukkan rujukan untuk pembinaan soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Rujukan untuk Pembinaan Soal Selidik

	Konstruk	Nombor soalan	
Minat		1-10	Tesis Kesan Pembelajaran Koperatif (STAD) terhadap Pencapaian Akademik, Minat Dan Motivasi Pelajar Tahun 6 Dalam Bidang Jawi Shahizal Bin Sahjan Universiti Pendidikan Sultan Idris 2016
			Tesis *The Effect of Games on Year Three Pupils' vocabulary Acquisition, Interest, Motivation and Attitudes in the Chinese Language Classroom* Choo Kan Fah Universiti Pendidikan Sultan Idris 2015
Motivasi	Intrinsik Ekstrinsik	11-14 15-18	*Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ)

Berdasarkan jadual di atas, soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A ialah soal selidik yang berkaitan dengan minat manakala bahagian B berkaitan dengan motivasi.

Instrumen ini adalah untuk menjawab soalan kajian kedua dan ketiga justeru terdapat 18 soalan dalam soal selidik ini dan responden diberi masa selama 20 minit untuk menjawabnya. Di samping itu, disebabkan murid-murid Tahun 3 masih terlalu muda, maka guru memberikan penerangan setiap item kepada mereka. Jadual 3.7 menunjukkan taburan soalan soal selidik tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Taburan Soalan Soal Selidik

Bahagian	Butiran	Bilangan Soalan
Bahagian A	Demografi	4 soalan
Bahagian B	Tahap minat murid-murid terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina	10 soalan
Bahagian C	Tahap motivasi murid-murid terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina	8 soalan

Selain itu, Jadual 3.8 pula menunjukkan skala Likert bergambar yang digunakan untuk soal selidik dalam kajian ini. Likert bergambar ini digunakan (*Pictorial Likert scale*) sebagai pilihan sampel dan penggunaan bentuk ini adalah sesuai untuk murid-murid sekolah rendah Tahun 3. Menurut Reynolds-Keefer dan Johnson (2011), dalam membangunkan instrumen sikap untuk kanak-kanak, penggunaan skala tindak balas dengan gambar atau imej, contohnya wajah *smiley* sering digunakan.

Jadual 3.8

Skala Likert Gambar Rajah (Pictorial Likert Scale)

Kenyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju	
Setuju	
Sangat Setuju	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Pembinaan Instrumen

Nurpandi, Langi dan Bandung (2013), berpendapat model reka bentuk pengajaran dapat membantu pereka mengelakkan kesalahan, mereka dengan baik serta menjelaskan objektif.

Sehubungan dengan itu, kajian ini telah membangunkan instrumen berasaskan model reka bentuk instruksi ASSURE. Pembangunan instrumen dengan mengikut reka bentuk instruksi dapat memastikan bahan yang dibina lebih teratur, penilaian berperingkat yang sistematik serta berkesan digunakan dalam pengajaran.

Oleh itu, Jadual 3.9 menunjukkan reka bentuk ASSURE yang melibatkan enam langkah, iaitu (i) menganalisis murid-murid, (ii) menyatakan objektif, (iii)memilih media dan bahan, iv) menggunakan media dan bahan, v) melibatkan murid-murid dalam pembelajaran dan penilaian vi) menyemak semula bahan.

Jadual 3.9

Langkah-langkah dan Tindakan Pengkaji Mengikut Reka Bentuk ASSURE

Langkah	Tindakan Pengkaji
Menganalisis murid-murid	- Murid-murid Tahun 3 - bahasa tambahan - di sekolah kebangsaan - Bilangan murid: 30 murid - Entry point: murid yang mempunyai asas bahasa Cina selama 2 tahun
Menyatakan Objektif	- Berdasarkan standard pembelajaran yang digubal oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum. - Buku Teks sebagai rujukan

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9 (*Sambungan*)

Langkah	Tindakan Pengkaji
Memilih media dan bahan	- Menyediakan media dengan *PowerPoint* - Menyediakan komputer serta rangkaian sesawang - Guru yang mempunyai kemahiran asas komputer
Menggunakan alat / bahan pengajaran	- Menyediakan perancangan pengajaran harian - Menyediakan dan mereka bahan pengajaran dengan multimedia - PdPc dalam kelas
Melibatkan murid-murid	- PdPc dalam kelas (Penglibatan murid dalam kelas, perbincangan)
Menilai dan menyemak semula bahan	- Pengkaji membuat penilaian tentang kekuatan dan kelemahan media a. Adakah objektif pembelajaran telah dicapai? b. Adakan bahan media membantu dalam PdPc? c. Apakah persepsi murid-murid terhadap media yang digunakan? Suka? Tercabar? d. Apakah suasana PdPc? Selesa? Membosankan? e. Apakah peluang penambahbaikan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Topik Pembelajaran – Pemilihan Kosa Kata

Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) yang digubal oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dan buku teks yang diluluskan oleh Bahagian Buku Teks (BBT) KPM dijadikan rujukan kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid-murid. Dokumen ini juga penting untuk menentukan objektif pembelajaran.

Pengkaji telah mengenal pasti kemahiran (技能), Standard Kandungan (内容标准) dan Standard Pembelajaran (学习标准) yang berkaitan dengan kajian ini. Jadual 3.10 di bawah menunjukkan Kemahiran, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Kemahiran, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran untuk Kajian

Kemahiran 技能	2.0 Membaca 阅读
Standard Kandungan 内容标准	2.1 Mengenal kosa kata yang ditetapkan, mengenal bentuk tulisan, membaca dengan tepat dan memahami maksud perkataan. 认识汉字，做到认清字形， 读准字音，理解字义，并能 应用的汉字构成词语
Standard Pembelajaran 学习标准	2.1.9 Mengenal kosa kata yang ditetapkan, mengenal bentuk tulisan, membaca dengan tepat dan memahami maksud perkataan. 认识所规定的汉字，做到认 清字形，读准字音，理解字义.

Pengkaji telah memilih kata nama, kata kerja dan kata adjektif dalam buku teks sebagai senarai kosa kata kajian dan kosa kata yang dipilih berkait rapat dengan pengalaman murid-murid. Selain itu, buku teks Bahasa Cina yang digunakan di sekolah kebangsaan merupakan terbitan Pan Malayan Publising Co. Sdn. Bhd yang diterbitkan pada 2012 dengan kebenaran dan kelulusan Bahagian Buku Teks (BBT), KPM.

Sehubungan dengan itu, kosa kata yang dipilih berdasarkan buku teks unit 12, unit 15, unit 16, unit 17, unit 20, unit 21, unit 22 dan unit 23. Sebanyak 5-7 kosa kata yang akan diajar dalam setiap pengajaran. Jadual 3.11 menunjukkan kosa kata pilihan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Kosa Kata Mengikut Buku Teks KSSR Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahun 3 Terbitan 2012

Minggu 星期	Tajuk 题目	Kosa Kata 词汇
1	Unit 12：Apakah Anda Buat? 你在做什么？	1. Penuh X kosong 满 X 空(KA) 2. Kiri X kanan 左 X 右 (KA) 3. Bersih X kotor 干净 X 肮(KA) 4. Ringan X berat 轻 X 重 (KA) 5. Benci X suka 讨厌 X 喜欢 (KK)
2	Unit 15：Gotong Royong 大扫除	1. Kipas 风扇 (KN) 2. Habuk 灰尘 (KN) 3. Sampah 垃圾 (KN) 4. Menolong 帮忙 (KK) 5. Bekerjasama 分工合作 (KN)
3	Unit 16：Mengakui Kesalahan 认错	1. Pecah 打破 (KK) 1. Almari 橱 (KN) 2. Mengaku salah 认错 (KK) 3. Memaafkan 原谅 (KK) 4. Takut 怕 (KK) 5. Marah 骂 (KK)
4	Unit 17：Melukis Rumah 画房子	1. Segi tiga 三角形 (KN) 2. Segi empat sama 正方形 (KN) 3. Segi empat tepat 长方形 (KN) 4. Bulat 圆形 (KN) 5. Tepi 旁边 (KN) 6. Tengah 中间 (KN) 7. Bawah 下面 (KN) 8. Atas 上面 (KN)
5	Unit 20： Arnab Mencabut Gigi 白兔拔牙记	1. Gigi 牙齿 (KN) 2. Gigi rosak 蛀牙 (KN) 3. Doktor gigi 牙医 (KN) 4. Cabut 拔 (KK) 5. Gosok 刷 (KK) 6. Berus gigi 牙刷（KN） 7. Ubat gigi 牙膏（KN）

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11 (*Sambungan*)

Minggu 星期	Tajuk 题目	Kosa Kata 词汇
6	Unit 21: Tidak Makan Makanan yang Tidak Bersih 不吃不卫生的食物	1. Perut 肚子 (KN) 2. Sakit 痛 (KK) 3. Hospital 医院 (KN) 4. Ubat 药 (KN) 5. Makanan 食物 (KN)
7	Unit 22: Suatu Kemalangan 一起意外	1. Kemalangan 意外 (KN) 2. Pijak 踏 (KK) 3. Jatuh 跌倒 (KK) 4. Lari 跑 (KK) 5. Memapar 扶 (KK) 6. Balik ke rumah 回家 (KK) 7. Jalan raya 马路 (KN)
8	Unit 23 : Hari Hujan 下雨天	1. Hujan 下雨 (KK) 2. Sejuk 冷 (KA) 3. Meniup 吹 (KK) 4. Payung 雨伞 (KN) 5. Angin 风 (KN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang disediakan oleh pengkaji telah disahkan oleh para pakar. Langkah pengajaran dirancang untuk mencapai objektif pembelajaran, iaitu mengenal dan memahami maksud kosa kata tersebut. RPH yang dirancang adalah untuk tempoh masa 30 minit dan dilaksanakan sekali seminggu.

Set induksi dan langkah penutup adalah sama dalam semua RPH. Hanya langkah pertama, iaitu bahagian pengajaran kosa kata dirancang berlainan sama ada mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi multimedia atau cara konvensional. Jadual 3.12 menunjukkan contoh RPH dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12

Contoh RPH yang Disediakan oleh Pengkaji

第一课 Pengajaran ke-1	
课题 Topik	12 你在做什么？ Apakah anda buat?
内容标准 Standard Kandungan	2.1 认识汉字，做到认清字形， 读准字音，理解字义，并能应用的汉字构成词语。 2.1 Mengenal kosa kata yang ditetapkan, mengenal bentuk tulisan, membaca dengan tepat dan memahami maksud perkataan.
学习标准 Standard Pembelajaran	2.1.9 认识所规定的汉字，做到认清字形，读准字音，理解字 义。 2.1.9 Mengenal kosa kata yang ditetapkan, mengenal bentuk tulisan, membaca dengan tepat dan memahami maksud perkataan.
学习目标 Objektif Pembelajaran	认读及理解生词的含义 Mengenal kosa kata dan memahami maksud perkataan
时间 Masa	30 分钟 minit
生词 Kosa Kata	空、满、左、右、肮脏、干净、讨厌、喜欢、轻、重
教材 Bahan Pengajaran	三年级标准课程国小华语课本 第 42 页 Buku Teks BCSK KSSR Tahun 3 m/s 42

步骤 Langkah	时间 masa（分钟） min	实验组 Kumpulan Rawatan	控制组 Kumpulan Kawalan
引起动机 Set Induksi	3	1. 教师展示大猫与小猫的图片。 Guru mempamerkan gambar kucing besar dan kecil	1. 教师展示大猫与小猫的图片。 Guru mempamerkan gambar kucing besar dan kecil

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12 (*Sambungan*)

		 2. 教师提问学生图片。 教师：同学们，这两只猫有什么分别？ Guru menyoal murid. Guru: Murid-murid, apakah perbezaan antara 2 kucing yang ditunjukkan dalam gambar?	 2. 教师提问学生图片。 教师：同学们，这两只猫有什么分别？ Guru menyoal murid. Guru: Murid-murid, apakah perbezaan antara 2 kucing yang ditunjukkan dalam gambar?
步骤一 Langkah 1	15	1. 教师以 PPT 文档逐个展示字词与图片。 Guru mempamerkan kosa kata yang telah disediakan pada Power Point. 2. 教师引导学生以正确的读音朗读生词。 Guru membimbing murid membaca kosa kata dengan betul. 3. 教师引导学生认读并以图片理解词义。 Guru membimbing murid memahami maksud kosa kata melalui gamba rajah. 4. 教师重复 1-3 的步骤。 Guru ulang langkah 1-3 untuk semua kosa kata.	1. 教师逐个展示字卡。 Guru mempamerkan kosa kata dengan menggunakan kad bacaan. 2. 教师引导学生以正确的读音朗读生词。 Guru membimbing murid membaca kosa kata dengan betul. 3. 教师引导学生认读字词。 Guru membimbing murid dalam membaca dan mengenal kosa kata. 4. 教师解释词义。 Guru menerangkan maksud kosa kata dengan menggunakan Bahasa Melayu.
步骤三 Langkah 2	10	1.教师指令学生习作活动本。 Guru meminta murid menyiapkan latihan dalam buku aktiviti m/s 43	1. 教师指令学生习作活动本。 Guru meminta murid menyiapkan latihan dalam buku aktiviti m/s 43
结束 Penutup	2	1. 教师指名学生把字词朗读一遍。 Guru meminta murid membaca kosa kata	1. 教师指名学生把字词朗读一遍。 Guru meminta murid membaca kosa kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Pembinaan Instrumen Bahan Multimedia

Pengkaji membina bahan multimedia dengan berpandukan prinsip pembelajaran multimedia. Multimedia merujuk kepada gabungan dua atau lebih media seperti perkataan, teks, gambar rajah, audio, video dan lain-lain. Multimedia yang digunakan dalam kajian ini termasuk beberapa elemen asas, iaitu perkataan, gambar rajah dan audio.


Rajah 3.3 menunjukkan bahan multimedia yang dibina berpandukan prinsip pembelajaran multimedia seperti prinsip multimedia, prinsip koheren, prinsip signal, prinsip redudansi, prinsip kesinambungan spatial, prinsip kesinambungan waktu, prinsip modaliti belajar, prinsip personalisasi, prinsip suara dan prinsip image yang diterangkan dalam Bab 2 (muka surat 41 dan 42).

Bahan multimedia yang dibina terdiri daripada perkataan dan gambar. Bentuk ini adalah untuk mematuhi prinsip multimedia yang menerangkan bahawa gabungan perkataan dan gambar adalah lebih baik daripada perkataan sahaja. Selain itu, maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran sahaja dimasukkan dalam bahan pembelajaran dan pengajaran tersebut. Hal ini berkait rapat dengan prinsip koheren yang menyatakan bahawa murid-murid dapat belajar dengan lebih baik apabila hanya maklumat yang berkaitan sahaja dimasukkan dalam slaid. Prinsip kesinambungan spatial juga telah dipenuhi dalam media yang dibina apabila perkataan dan gambar rajah muncul serentak semasa pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, prinsip kesinambungan waktu juga diambil kira dalam pembinaan bahan multimedia ini iaitu gambar dan teks telah diletakkan berdekatan. Slaid ini juga mematuhi prinsip modaliti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belajar, iaitu dengan menggunakan grafik gambar rajah stastik sahaja. Selain itu, suara rakaman dalam rakaman tersebut ialah suara pengkaji dan ini memenuhi prinsip suara yang menyatakan bahawa suara manusia adalah lebih baik berbanding dengan suara mesin.



Rajah 3.3. Contoh slaid multimedia untuk kumpulan rawatan

3.10 Kajian Rintis

Sebelum kajian dijalankan, pengkaji perlu menjalankan kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Kajian rintis adalah untuk menentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan dalaman instrumen dan proses ini juga dapat memberikan peluang kepada pengkaji untuk memurnikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen yang digunakan semasa kajian sebenar. Pengkaji juga boleh membuat penambahbaikan pada bahan rintis. Kajian rintis terhadap soal selidik dijalankan dan dianalisis dengan *Nilai Alpha Cronbach.* Guru dan murid kumpulan rintis memberikan komen terhadap persembahan teknologi multimedia dan komen itu digunakan pengkaji untuk menambah baik bahan.

3.11 Kesahan Instrumen

Talib (2013) menjelaskan bahawa kesahan dalam instrumen yang dibina dikenal pasti apabila instrumen itu telah dapat mengukur apa-apa yang sepatutnya diukur. Dalam kajian ini, kesahan instrumen dibuat berdasarkan bahan pembelajaran dan pengajaran multimedia, ujian pencapaian penguasaan kosa kata pra-pasca, soal selidik pra-pasca, Rancangan Pengajaran Harian. Kesahan instrumen ini dibuat berasaskan kesahan kandungan dan kesahan muka.

3.11.1 Pemilihan Pakar

Pakar merupakan seseorang yang mempunyai pengetahuan yang komprehensif dan berkemahiran dalam sesuatu bidang. Pakar dipilih untuk memutuskan dan menilai sesuatu yang benar, baik, sesuai serta adil dengan peraturan dan status dalam bidang khas tertentu. Pemilihan pakar berdasarkan enam kriteria berikut i) kepakaran ii) kelayakan iii) sifat-sifat individu iv) kemampuan membanding beza, v) konsisten dan boleh dipercayai dan diiktiraf vi) dan pengalaman. Pemilihan pakar mestilah tepat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

supaya pendapat, pandangan serta keputusan yang diperoleh tidak dipertikaikan dan tidak diragui (Darusalam dan Mustaph, 2018). Oleh itu, dalam pemilihan pakar, Akbari dan Yazdanmehr (2014) mencadangkan bahawa perlu memenuhi kriteria i) jangka masa pekerjaan dan latar belakang pengajaran ii) Pengiktirafan daripada pakar dan badan-badan iii) Anugerah dan perakuan daripada institusi-institusi tertentu iv) Pencapaian pelajar yang dididik dan v) Penanda aras prestasi**.**

Dalam kajian ini, pemilihan pakar adalah berdasarkan i) jangka masa pekerjaan dan latar belakang pengajaran ii) Pengiktirafan daripada pakar dan badan-badan iii) Anugerah dan perakuan daripada institusi-institusi tertentu.

Sehubungan dengan itu, menurut Deslandes et al. (2010), peratusan nilai skor pada julat 70.0 peratus dan ke atas diterima. Oleh itu, terdapat lapan orang pakar bidang dan pakar praktis telah dipilih untuk membuat kesahan kandungan atau kesahan muka. Pakar-pakar ini adalah pakar rujukan yang utama dalam bidang BCSK.

Jadual 3.13 menunjukkan kesahan yang dibuat oleh lapan pakar yang terdiri daripada empat pakar bidang ilmu dan empat pakar bidang praktik iaitu kesahan kandungan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), kesahan kandungan dan kesahan muka bahan pengajaran teknologi multimedia, ujian pencapaian dan soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Kesahan Pakar yang Dibuat dalam Kajian ini

Instrumen	Jenis Kesahan	Kesahan dibuat oleh
Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	- Kesahan Kandungan	Kesahan Pakar - 4 pakar bidang ilmu - 4 pakar bidang praktik
Bahan Pengajaran Teknologi Multimedia	- Kesahan Kandungan - Kesahan Muka	Kesahan Pakar - 4 pakar bidang ilmu - 4 pakar bidang praktik
Ujian Pencapaian - Ujian Pra - Ujian Pasca	- Kesahan Kandungan - Kesahan Muka	Kesahan Pakar - 4 pakar bidang ilmu - 4 pakar bidang praktik
Soal Selidik - Ujian Pra - Ujian Pasca	- Kesahan Kandungan - Kesahan Muka	Kesahan Pakar - 4 pakar bidang ilmu - 4 pakar bidang praktik

Di samping itu, kebolehpercayaan instrumen kajian dapat dipertingkatkan apabila pakar yang dipilih dalam kajian ini merupakan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang dan ilmu yang dikaji. Jadual 3.14 menunjukkan profil pakar-pakar dalam kajian ini antaranya ialah empat pakar bidang dan empat pakar ilmu.

Jadual 3.14

Senarai Profil Pakar-pakar

Bil	Pakar	Jawatan dan Pengalaman Utama
1	Pakar 1 Bidang ilmu	- Pensyarah UPSI - PHD Psikologi, UKM - 15 tahun sebagai pensyarah di UPSI - Pakar bidang Psikologi dan Kaunseling - Pakar dalam Pengujian dan Pengukuran - Pakar dalam Pembinaan Instrumen Penyelidikan
2	Pakar 2 Bidang ilmu	- Pensyarah Kanan UiTM Shah Alam - PHD Bidang Linguistik, UM - Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Bahasa - mengajar 18 tahun Bahasa Cina Mandarin di UiTM Shah Alam

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15 (*Sambungan*)

Bil	Pakar	Jawatan dan Pengalaman Utama
3	Pakar 3 Bidang ilmu	- Penolong Pengarah Unit Bahasa Cina Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM - Sarjana Muda Kesusasteraan (Pengajian TiongHua), UM - Sarjana (Pengajaran dan Kurikulum), UM - Penasihat penggubalan Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) (2008- sekarang).
4	Pakar 4 Bidang Ilmu	- Penolong Pengarah Unit Bahasa Cina Bahagian Buku Teks (BBT), KPM. - 10 tahun mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan - 7 tahun guru akademik Sekolah Menengah - 8 tahun berkhidmat sebagai Penolong Pengarah di BBT
5	Pakar 5 Bidang Praktis	- Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) - BCSK Sarjana Muda Kesusasteraan (Linguistik), UM - Diploma Pendidikan (Bahasa Cina SK) - 10 tahun pengalaman mengajar BCSK di sekolah kebangsaan
6	Pakar 6 Bidang Praktis	- Jurulatih Utama Negeri (JPWPKL) - Sarjana Muda Sastera (Pengkhususan Bahasa Mandarin), UPM - Diploma Pendidikan (Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan) - 10 tahun pengalaman Ketua Panitia Bahasa Cina - 10 tahun pengalaman mengajar BCSK di sekolah kebangsaan (2008-2017)
7	Pakar 7 Bidang Praktis	- Jurulatih Utama Negeri (JPWPKL) - Sarjana Muda Bio Sains, UPM - Diploma Pendidikan (Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan) - 10 tahun pengalaman Ketua Panitia Bahasa Cina - 10 tahun pengalaman mengajar BCSK di sekolah kebangsaan (2008-2017)
8	Pakar 8 Bidang Praktis	- Jurulatih Utama Negeri (JPWPKL) - Sarjana muda Sains Statistik, UPM - Diploma Pendidikan (Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan) - 10 tahun pengalaman Ketua Panitia Bahasa Cina - 10 tahun pengalaman mengajar BCSK di sekolah kebangsaan (2008-2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.2 Kesahan Kandungan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Kesahan kandungan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dinilai oleh lapan orang pakar ilmu dan bidang praktis yang dipilih. Oleh itu, Dokumen Standard Kurikulum (DSK) untuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 3 yang digubal oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum(BPK), buku teks dan buku aktiviti Tahun 3 yang diluluskan oleh Bahagian Buku Teks (BBT) serta borang soal selidik telah dihantar untuk disemak kesahan instrumen bagi memastikan RPH yang digubal adalah sesuai dan bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji membuat pembetulan dan penambahbaikan dengan merujuk kepada komen yang diberikan. RPH boleh dirujuk dalam Lampiran (Lampiran D).

Sehubungan dengan itu, Jadual 3.15 merupakan ulasan-ulasan bernas pakar dan langkah-langkah yang diambil oleh pengkaji untuk memurnikan RPH dalam kajian ini.

Jadual 3.15

Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji

Pakar	Ulasan	Langkah yang diambil oleh pengkaji
1	Penulisan dan penyampaian modul pengajaran harian yang dinyatakan dalam kajian ini adalah baik dan memadai, mampu menyampaikan apa yang ingin disampaikan	
2	Memuaskan	
3	Perbezaan langkah pengajaran antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan kurang jelas. 控制组合实验组在教学的步骤上的差异不够明显。	Langkah pengajaran ditulis dengan lebih jelas.

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16 (*Sambungan*)

Pakar	Ulasan	Langkah yang diambil oleh pengkaji
4	RPH yang dibuat mengikut DSK dan bersesuaian dengan kumpulan sasaran.	
5	RPH yang padat dengan isi dan slaid yang menarik.	
6	RPH yang digubal adalah tepat berpandukan sukatan pelajaran KSSR-DSK B.Cina SK Tahun 3 dan sesuai digunakan sebagai bahan kajian.	
7	Memuaskan dan amat sesuai untuk sasaran yang diuji.	
8	Tiada ulasan diberi	

Jadual 3.16 pula menunjukkan markah penilaian keseluruhan kesahan instrumen dan didapati markah keseluruhan penilaian kesahan RPH adalah tinggi iaitu antara 83.33% hingg 100% dengan nilai purata 93.75%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16

Penilaian Kesahan Instrumen (RPH) oleh Pakar-pakar

Pakar-pakar	Markah keseluruhan (%)
1	50/60 = 83.33%
2	58/60 = 96.67%
3	56/60 = 93.33%
4	58/60 = 96.67%
5	55/60 = 91.67%
6	60/60 = 100%
7	58/60 = 96.67%
8	55/60 = 91.67%
Purata	750.01/800 = 93.75

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.3 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Ujian Pra dan Ujian Pasca

Lapan pakar bidang ilmu dan bidang praktis tersebut juga telah mengesahkan kesahan kandungan dan kesahan muka soalan ujian pra dan ujian pasca. Soalan dibina berdasarkan skop pengajaran yang telah dipilih dan terdapat beberapa bentuk soalan memadankan perkataan dan gambar rajah telah dibina, iaitu membulatkan pilihan jawapan yang betul, menggariskan kosa kata dengan gambar rajah serta mengisi huruf sepadan dengan kosa kata dan gambar rajah. Pengkaji memurnikan ujian pra dan pasca dengan merujuk kepada ulasan am dan ulasan penambahbaikan daripada para penilai.

Secara keseluruhan, ulasan pakar adalah baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang perlu dimurnikan. Pengkaji memurnikan item berdasarkan ulasan dan Jadual 3.17 menunjukkan ulasan pakar untuk soalan ujian pra kosa kata.

Jadual 3.17

Ulasan-ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Ujian Pra

Pakar-pakar	Ulasan am & Ulasan Penambahbaikan untuk Ujian Pra	Ulasan Penambahbaikan Pakar untuk Ujian Pasca
1	Baik dan item dapat mewakili konstruk yang dikaji	Baik dan membuat penambahbaikan dengan format yang lebih kemas.
2	Tukar beberapa gambar supaya mewakili maksud aksara Cina	Memuaskan
3	Item yang dibina adalah sesuai digunakan.	-
4	-	-
5	Soalan dapat menguji tahap kefahaman murid dengan berkesan	-

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.18 (*Sambungan*)

Pakar-pakar	Ulasan am & Ulasan Penambahbaikan untuk Ujian Pra	Ulasan Penambahbaikan Pakar untuk Ujian Pasca
6	Pemilihan kosa kata dan format instrumen kajian adalah sesuai digunakan untuk target ujian	-
7	Amat memuaskan dan menepati sukatan kurikulum Tahun 3	Murnikan ayat bagi bahagian C
8	Keseluruhannya memuaskan	-

Jadual 3.18 pula menunjukkan ulasan pakar untuk soalan ujian pasca kosa kata. Secara keseluruhan, ujian ini dikategorikan sebagai baik dan beberapa item telah dimurnikan berpandukan ulasan pakar penilai.

Jadual 3.18

Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Ujian Pasca

Pakar-pakar	Ulasan Am Pakar untuk Ujian Pasca	Ulasan Penambahbaikan Pakar untuk Ujian Pasca
1	Setiap item adalah baik dan bersesuaian untuk mewakili konstruk yang dikaji.	Saya bersetuju bahawa penggunaan item-item dalam mengukur konstruk yang diuji adalah bersesuaian.
2	Tukar beberapa gambar supaya mewakili maksud aksara Cina.	Memuaskan
3	Item yang dibina adalah sesuai	-
4	-	-
5	Sesuai dan padat dengan isi	-
6	Instrumen kajian sesuai digunakan kepada target kajian	-
7	Memuaskan dan telah menepati kriteria pembinaan item	Pemurnian ayat sekiranya perlu
8	Memuaskan	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, Jadual 3.19 menunjukkan markah penilaian ujian pra dan ujian pasca. Didapati markah keseluruhan penilaian ujian pra dan ujian pasca adalah tinggi, iaitu untuk ujian pra antara 77.83% hingga 100% iaitu purata 96.71% manakala untuk ujian Pasca adalah antara 75.67% hingga 100% iaitu dengan nilai purata 96.59%.

Jadual 3.19

Penilaian Ujian Pra dan Ujian Pasca oleh Para Pakar

Pakar-pakar	Markah keseluruhan (%)	
	Ujian Pra	Ujian Pasca
1	467/600=77.83%	454/600=75.67%
2	585/600=97.5%	587/600=97.83%
3	600/600=100%	600/600=100%
4	595/600=99.17%	600/600=100%
5	595/600=99.17%	595/600=99.17%
6	600/600=100%	600/600=100%
7	600/600=100%	600/600=100%
8	600/600=100%	600/600=100%
Purata	773.67/800=96.71%	772.67/800=96.59%

3.11.4 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Instrumen (Multimedia)

Kesahan instrumen multimedia dinilai melalui salinan skrin dan salinan cetak. Para pakar memerhatikan kedua-dua bentuk instrumen dan mengisi borang soal selidik kesahan pakar. Hasil ulasan terhadap bahan pembelajaran dan pengajaran multimedia dipaparkan dalam Jadual 3.20. Pengkaji membuat pemurnian bahan berpandukan ulasan yang diberikan oleh pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.20

Ulasan Pakar dan Tindakan Pengkaji untuk Bahan Multimedia

Pakar-pakar	Ulasan Am	Ulasan Penambahbaikan	Tindakan Pengkaji
1	Susunan dan penyampaian imej-imej dan aktiviti latihan kosa kata pembelajaran baik dan dapat dijalankan bagi aktiviti konstruk yang diingini	Baik dan teruskan penambahbaikan interaktif dan mengikut format yang bersesuaian	-
2	Kalau boleh, cuba gabungkan perkataan *Hanyu pinyin* untuk frasa	-	*Hanyu pinyin* dipersembahkan mengikut buku teks
3	Semua gambar rajah yang dipilih dapat menyampaikan maksud kosa kata	1. Perhatikan *Hanyu pinyin* yang bernada ringan 2. Tukar gambar rajah P2 "sampah" dan P5 " doktor gigi cabut gigi"	1. Memeriksa semula semua *Hanyu pinyin* 2. Pilih gambar rajah yang lebih sesuai mengikut cadangan pakar
4	Memuaskan - memenuhi kriteria yang ditetapkan	Gambar rajah boleh ditambah baik lagi supaya lebih mudah untuk murid-murid tahap rendah	Gambar rajah disemak semula dan digantikan jika perlu
5	1. Gambar yang menarik dan pelbagai. 2. Bilangan kosa kata yang tidak membebankan murid.	Latar belakang slaid boleh dipelbagaikan lagi	-
6	1. Gambar rajah yang digunakan adalah amat sesuai dan amat mencukupi untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada kumpulan sasaran	-	-

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21 (*Sambungan*)

Pakar-pakar	Ulasan Am	Ulasan Penambahbaikan	Tindakan Pengkaji
	2. Gambar rajah tersebut adalah jelas dan tepat menunjukkan penerangan kepada maksud kosa kata		
7	Paparan elektronik yang disediakan adalah memuaskan dan menepati item yang berkaitan	Perincikan gambar rajah yang dipaparkan dan elakkan latar belakang yang kurang "kontras"	Gambar rajah dan latar belakang dijadikan lebih kontras dengan penggunaan warna
8	Keseluruhan memuaskan dan dapat meningkatkan minat untuk mempelajari Bahasa Cina	-	-

Secara keseluruhan, markah penilaian bahan multimedia yang diberi oleh pakar adalah antara 77.5% hingga 100% dengan purata markah 93.63%. Dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 3.21 di bawah.

Jadual 3.21

Penilaian Bahan Multimedia oleh Para Pakar

Pakar-pakar	Markah keseluruhan (%)
1	124/160 = 77.5 %
2	156/160 = 97.5%
3	140/160 = 87.50%
4	155/160 = 96.88%
5	160 /160 = 100%
6	160 /160 = 100%
7	152/160 = 95%
8	152/160 = 95%
Purata	749/800 = 93.63%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.5 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Soal Selidik

Pengesahan soal selidik oleh para pakar terhadap minat dan motivasi dalam pembelajaran ditunjukkan dalam Jadual 3.22. Markah tertinggi dalam pembolehubah minat ialah item 1 iaitu 9.5 manakala, item 6 adalah yang terendah iaitu 8.6. Dalam pembolehubah motivasi pula, didapati bahawa markah tertinggi ialah item 17 iaitu 9.3 manakala, yang terendah pula ialah item 13 iaitu 7.3.

Jadual 3.22

Pengesahan Soal Selidik Oleh Para Pakar

Pembolehubah	Item	Pakar								
		1	2	3	4	5	6	7	8	Purata
Minat	1	8	10	9	10	10	10	9	10	9.5
	2	8	10	7	9	9	10	9	9	8.9
	3	8	10	9	10	9	8	9	9	9.0
	4	8	9	9	10	9	9	9	9	9.0
	5	8	10	8	10	8	10	9	8	8.9
	6	7	7	8	10	9	10	9	9	8.6
	7	8	9	8	10	9	10	8	9	9.1
	8	8	9	9	10	9	10	8	9	8.9
	9	8	8	9	10	10	10	9	9	9.1
	10	8	8	9	10	9	10	9	9	9.0
Motivasi	11	8	8	6	9	9	10	9	9	8.5
	12	8	6	6	9	10	10	9	10	8.5
	13	8	6	6	10	9	8	5	9	7.6
	14	8	9	8	10	9	10	9	9	9.0
	15	8	9	8	10	9	10	9	10	9.1
	16	8	9	8	10	8	10	9	9	8.9
	17	8	10	9	10	9	10	9	9	9.3
	18	8	10	6	9	10	10	9	9	8.9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan instrumen dalam kajian juga dinilai melalui kajian rintis. Soal selidik dijalankan kajian rintis dalam kalangan 30 orang murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada responden memahami item-item yang disediakan dan dalam kajian ini adalah penting untuk memastikan murid-murid Tahun 3 jelas dan faham terhadap item-item yang ditanya. Kajian rintis soal selidik yang dijalankan juga memastikan kesahan dari segi bahasa, struktur ayat dan maksud soal selidik.

Menurut Creswell (2012), pekali kebolehpercayaan berada antara 0 hingga 1.0. Pekali skala semakin menghampiri 1.0 menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang semakin tinggi. Jadual 3.23 menjelaskan pernyataan ini.

Jadual 3.23

Nilai Alpha Cronbach dan Tahap Kebolehpercayaan

Nilai *Alpha Cronbach*	Tahap
≥ 0.09	Cemerlang
$0.08 \leq \ \leq 0.90$	Baik
$0.70 \leq \ \leq 0.80$	Diterima
$0.60 \leq \ \leq 0.70$	Dipersoalkan
$0.50 \leq \ \leq 0.60$	Lemah
< 0.5	Tidak Lemah

Kajian rintis ini dijalankan terhadap murid-murid Tahun 3 di Sekolah Kebangsaan A yang terdiri daripada 30 orang murid di Kuala Lumpur. Oleh itu, Jadual 3.24 menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Nilai kebolehpercayaan minat ialah 0.852 manakala nilai kebolehpercayaan motivasi 0.693.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, nilai kebolehpercayaan soal selidik kajian ini ialah 0.7725, iaitu memenuhi tahap diterima yang dicadangkan oleh Creswell (2012).

Jadual 3.24

Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik

Soal Selidik	Kontruk	Item	Nilai Cronbach Alpha Mengikut manual MSLQ	Nilai Cronbach Alpha Kajian Rintis	Nilai Cronbach Alpha Kajian Rintis keseluruhan
Minat		1-10	-	0.852	0.7725
Motivasi	Intrinsik	11-14	0.74	0.693	
	Ekstrinsik	15-18	0.62		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13 Analisis Data

Statistik inferens iaitu Ujian-*t* adalah untuk menguji hipotesis kajian. Ujian-*t* digunakan bagi menguji perbezaan dari segi min ujian pra dan pasca bagi menentukan sama ada perbezaan itu berlaku secara sebenar atau kebetulan (Alias Baba, 1999).

Analisis dibuat berdasarkan keperluan untuk menjawab soalan kajian. Sehubungan dengan itu, data yang dikumpulkan dalam kajian ini ialah data kuantitatif justeru data daripada soal selidik dan markah ujian pencapaian merupakan data mentah. Data mentah dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian dan data ini dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis data dilakukan dengan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Data pencapaian murid dalam ujian pra dan pasca dan markah murid-murid direkodkan seterusnya dianalisis untuk melihat sama ada terdapat perubahan pencapaian yang signifikan dalam ujian pra dan pasca setelah ujian tersebut dilaksanakan. Di samping itu, soal selidik dianalisis dengan menggunakan min dan sisihan piawai.

Analisis data penting untuk memastikan objektif kajian dicapai dan soalan kajian dijawab dengan tepat. Sehubungan dengan itu, Jadual 3.25 menunjukkan cara analisis data dibuat mengikut objektif dan soalan kajian.

Jadual 3.25

Cara Menganalisis Data Mengikut Objektif dan Soalan Kajian

Bil	Objektif kajian	Soalan kajian	Metodologi	Analisis Data
1	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?	Ujian Pra & Ujian Pasca	*Independent Sample T test*
2	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia	Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan	Soal selidik pra dan Soal selidik pasca	*Independent Sample T test*

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.26 (*Sambungan*)

Bil	Objektif kajian	Soalan kajian	Metodologi	Analisis Data
	dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	secara statistik terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan terhadap soal selidik pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?		
3	Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.	Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan terhadap soal selidik pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?	Soal selidik pra dan Soal selidik pasca	*Independent Sample T test*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14 Jangka Masa Kajian

Kajian dijalankan selama 12 minggu di kedua-dua buah sekolah. Pengkaji menyediakan Rancangan Pengajaran Harian dan bahan pengajaran kepada guru-guru yang mengajar. Peruntukan masa untuk BCSK adalah sebanyak 90 minit seminggu dan pihak sekolah telah membuat pengagihan masa pengajaran seminggu sekali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid-murid diberi ujian pra dan soal selidik pra pada awal kajian manakala ujian pasca dan soal selidik pasca diberikan kepada murid-murid selepas tamat kajian. Perbezaan antara kedua-dua kumpulan adalah dari segi pendekatan pengajaran sahaja.

Proses pengajaran dalam kajian ini telah dirancang dengan baik dan ini jelas dipaparkan dalam Jadual 3.26 yang menunjukkan jadual kerja mingguan, tempoh masa pengajaran serta topik kandungan kajian ini.

Jadual 3.26

Jadual Mingguan dan Tempoh Masa Mengajar Topik Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan

Waktu Pengajaran	Tempoh masa	Topik / Kandungan
Minggu 1		Ujian rintis
Minggu 2	8 jam (4jam /hari)	Latihan Guru (*Training of trainer*)
Minggu 3	30 minit (½ jam)	Ujian Pra / Soal Selidik Pra
Minggu 4	30 minit (½ jam)	Kebersihan 讲卫生
Minggu 5	30 minit (½ jam)	Apakah anda buat? 你在做什么？
Minggu 6	30 minit (½ jam)	Gotong Royong 大扫除
Minggu 7	30 minit (½ jam)	Mengakui kesalahan 认错
Minggu 8	30 minit (½ jam)	Melukis rumah 画房子
Minggu 9	30 minit (½ jam)	Arnab mencabut gigi 白兔拔牙记
Minggu 10	30 minit (½ jam)	Suatu kemalangan 一起意外
Minggu 11	30 minit (½ jam)	Tidak makan makanan yang tidak bersih 不吃不卫生的食物
Minggu 12	30 minit (½ jam)	Ujian Pasca / Soal Selidik Pasca
Minggu 13-15 (3 minggu)	1 jam / minggu	Pengajaran teknologi Multimedia untuk kumpulan kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan dalam bab tiga ini, pengkaji akan menggunakan kesemua kaedah yang dipilih mengikut keperluan untuk menjalankan kajian. Pengkaji meringkaskan cadangan kajian yang akan dilaksanakan dan cara metadologi dijalankan termasuklah populasi dan persampelan, instrumen yang digunakan dalam kajian dan bagaimana data-data yang diperoleh akan dianalisis oleh pengkaji dalam bab empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan


Kajian ini berkaitan dengan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Bab ini melaporkan dapatan kajian terhadap pemboleh ubah bersandar kajian, iaitu skor min pencapaian dalam penguasaan kosa kata, min minat murid dan min motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan pendekatan cara pembelajaran penggunaan teknologi berbanding dengan cara konvensional dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.

Penganalisisan data dijalankan dengan cara analisis deskriptif dan inferensi. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Sosial Sciences (SPSS)* versi 23. Hasil dapatan kajian untuk menjawab soalan kajian iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
2. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?
3. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara soal selidik pra dan pasca antara kumpulan rawatan?



Rajah 4.1. Rumusan Proses Analisis Data Deskriptif dan Data Inferensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Maklumat Diri Responden Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Analisis statistik deskriptif membincangkan demografi responden termasuklah maklumat latar belakang, iaitu jantina dan kaum murid-murid yang terlibat dalam kajian. Kumpulan kawalan terdiri daripada 32 orang murid-murid Tahun 3, manakala kumpulan rawatan terdiri daripada 37 orang murid-murid Tahun 3 daripada dua buah sekolah yang berlainan.

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina dan kaum. Jumlah responden dalam kumpulan kawalan ialah 32 murid. Sebanyak 21 orang atau 65.6 peratus terdiri daripada murid lelaki manakala 11 orang atau 34.4 peratus responden ialah murid perempuan. Responden terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu 22 orang atau 68.75 peratus terdiri daripada murid-murid kaum Melayu, 8 orang atau 25 peratus terdiri daripada kaum India, satu orang atau 3.13 peratus terdiri daripada kaum Cina dan satu orang atau 3.13 peratus terdiri daripada kaum lain-lain.

Jadual 4.1

Analisis Demografi Kumpulan Kawalan

Kaum	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	13 (40.63%)	9 (28.13%)	22 (68.75%)
Cina	1 (3.13%)	0	1 (3.13%)
India	6 (18.75%)	2 (6.25%)	8 (25%)
Kaum lain	1 (3.13%)	0	1 (3.13%)
Jumlah	21 (65.6%)	11 (34.4%)	32

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina dan kaum. Jumlah responden dalam kumpulan rawatan ialah 37 orang murid-murid. Sebanyak 20 orang atau 54.05 peratus terdiri daripada murid-murid lelaki manakala 17 orang atau 45.95 peratus responden ialah murid-murid perempuan. Kesemua responden terdiri daripada kaum Melayu dan kaum-kaum lain, iaitu 36 orang atau 97.3 peratus terdiri daripada murid-murid kaum Melayu, dan satu orang atau 2.7 peratus terdiri daripada kaum lain.

Jadual 4.2

Analisis Demografi Kumpulan Rawatan

Kaum	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	20 (54.05%)	16 (43.24%)	36 (97.29%)
Cina	0	0	0
India	0	0	0
Kaum lain	0	1 (2.7%)	1 (2.7%)
Jumlah	20 (54.05%)	17 (45.95%)	37

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Deskriptif Kajian

Bahagian ini menunjukkan hasil analisis deskriptif skor min dan sisihan piawai bagi ujian pra dan ujian pasca dalam ujian pencapaian, soal selidik pra dan pasca terhadap minat dan motivasi menggunakan pendekatan pembelajaran dengan teknologi multimedia dan konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai berdasarkan Ujian Pencapaian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Jadual 4.3 menunjukkan data analisis statistik deskriptif skor min dan sisihan piawai antara ujian pra dan ujian pasca terhadap sampel kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dengan pembelajaran penggunaan teknologi multimedia. Keputusan menunjukkan bahawa min pencapaian bagi pembelajaran kosa kata dengan penggunaan teknologi multimedia bagi kumpulan kawalan ialah min skor ujian pra (M = 3.47; SP = 1.778), manakala ujian pasca (M = 6.31; SP = 3.355) untuk kumpulan rawatan pula min skor ujian pra (M = 3.59; SP = 1.674) dan ujian pasca (M = 18.49; SP = 5.199). Hal ini menunjukkan berlakunya peningkatan nilai min skor bagi kedua-dua kumpulan. Walau bagaimanapun, perbezaan yang amat ketara berlaku untuk kumpulan rawatan antara ujian pra dan pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Ujian Pencapaian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Kumpulan	Ujian	N	Min	Sisihan Piawai
Kawalan	Pra	32	3.47	1.778
	Pasca	32	6.31	3.355
Rawatan	Pra	37	3.59	1.674
	Pasca	37	18.49	5.199

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai Terhadap Minat Murid-Murid Berdasarkan Soal Selidik Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Jadual 4.4 menunjukkan analisis deskriptif terhadap min minat melalui soal selidik pra dan pasca. Kumpulan kawalan dengan soal selidik pra (M = 2.3906; SP = 0.41220) dan soal selidik pasca (M = 2.2781; SP = 0.47365). Dapatan ini menunjukkan min minat telah menurun secara deskriptif dalam kumpulan kawalan. Manakala, Kumpulan rawatan dengan soal selidik pra (M = 2.5135; SP = 0.26994) dan soal selidik pasca (M = 2.7622; SP = 0.19344) telah menunjukkan peningkatan min minat bagi kumpulan rawatan. Walau bagaimanapun, min minat pasca untuk kumpulan rawatan (2.7622) adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan (2.2781).

Jadual 4.4

Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Minat Murid-murid bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Kumpulan	Minat	N	Min	Sisihan Piawai
Kawalan	Pra	32	2.3906	0.41220
	Pasca	32	2.2781	0.47365
Rawatan	Pra	37	2.5135	0.26994
	Pasca	37	2.7622	0.19344

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Motivasi Murid-murid berdasarkan Soal Selidik Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Jadual 4.5 menunjukkan analisis deskriptif terhadap min motivasi melalui soal selidik pra dan pasca. Kumpulan kawalan dengan min motivasi pra (M = 2.5898; SP = 0.32259) dan soal selidik pasca (M = 2.4219; SP = 0.45873) manakala kumpulan rawatan dengan soal selidik pra (M = 2.6557; SP = 0.24250) dan soal selidik pasca (M = 2.8221; SP = 0.18668). Dapatan ini menunjukkan peningkatan min motivasi kumpulan rawatan manakala terdapat penurunan min motivasi pada kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, min motivasi pasca kumpulan rawatan (M=2.8221) adalah lebih tinggi dari kumpulan kawalan (M=2.4219).

Jadual 4.5

Analisis Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai terhadap Motivasi murid-murid bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Kumpulan	Motivasi	N	Min	Sisihan Piawai
Kawalan	Pra	32	2.5898	0.32259
	Pasca	32	2.4219	0.45873
Rawatan	Pra	37	2.6557	0.24250
	Pasca	37	2.8221	0.18668

4.4 Analisis Statistik Inferensi Ujian Pencapaian

Analisis ujian pasca dengan perbandingan skor min pencapaian antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dibuat untuk mengenal pasti kesan antara dua kaedah pembelajaran dengan penggunaan multimedia dan kaedah konvensional dalam penguasaan kosa kata Bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Analisis Statistik inferensi Ujian Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Ujian-*t* sampel bebas digunakan untuk menguji tahap signifikan hipotesis yang ditentukan.

Hipotesis Alternatif A1 (H_{A1}): Terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 4.6 menunjukkan analisis ujian-*t* sampel bebas dijalankan terhadap ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Keputusan menunjukkan min skor untuk kumpulan kawalan ialah 6.31 manakala min markah kumpulan rawatan ialah 18.49. Ujian *Levene* juga menunjukkan nilai *p* yang signifikan, maka varians diandaikan sama antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian *t* adalah signifikan *t* (67) = -11.352, *p* = 0.00) secara statistik. Keputusan ini menerima $H_{A1,}$ iaitu terdapat perbezaan pencapaian skor yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Min skor ujian pencapaian kumpulan rawatan pada 18.49, adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor kumpulan kawalan, iaitu 6.31 dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina. Keputusan di atas membuktikan bahawa kumpulan rawatan yang mengikuti pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan penggunaan teknologi multimedia adalah lebih berkesan berbanding dengan pembelajaran konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Min Pencapaian Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Ujian Pasca antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	N	Min	Nilai t	Nilai p
Kumpulan Kawalan	32	6.31	-11.352	.000
Kumpulan Rawatan	37	18.49		

** $p < 0.05$*

4.5 Analisis Statistik Inferensi Soal Selidik Minat

4.5.1 Data Analisis Min Minat Dalam Soal Selidik Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan

Ujian-*t* sampel berpasangan digunakan untuk menguji tahap signifikan hipotesis yang ditentukan.

Hipotesis Alternatif A2 (H_{A2}): Terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

Soal selidik pra dan pasca telah diedarkan kepada kesemua sampel kajian, iaitu sampel kumpulan rawatan sebelum dan selepas rawatan dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian-*t* berpasangan dua-ekor dengan aras signifikan $p < .05$ digunakan untuk membandingkan min minat dalam soal selidik pra (M = 2.5135; SP = 0.26994) dengan soal selidik pasca (M = 2.7622; SP = 0.19344) untuk kumpulan rawatan. Ujian-*t* berpasangan adalah signifikan secara statistik, (t (36) = -5.160, $p < .05$). Dapatan Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara min soal selidik pra dan soal selidik pasca, maka terdapat peningkatan minat yang signifikan dalam kumpulan rawatan.

Keputusan ini menerima $H_{A2,}$ iaitu terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan. Min soal selidik pasca (2.7622) lebih tinggi daripada min soal selidik pasca kumpulan kawalan (2.5135). Keputusan ini membuktikan bahawa kumpulan rawatan yang mengikuti pembelajaran kosa kata bahasa Cina dengan penggunaan teknologi multimedia adalah lebih berkesan berbanding dengan pembelajaran konvensional.

Jadual 4.7

Min Minat Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina antara Soal Selidik Pra dan Pasca untuk Kumpulan Rawatan

Soal Selidik	N	Min	Nilai t	Nilai p
Pra	37	2.5135	-5.160	000
Pasca	37	2.7622		

** $p < 0.05$*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Data Analisis Min Minat dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Kawalan

Ujian-*t* sampel berpasangan telah digunakan untuk menguji perbezaan antara dua sampel berpasangan, soal selidik pra dan pasca telah diedarkan kepada kesemua sampel kajian, iaitu sampel kumpulan kawalan sebelum dan selepas kajian dijalankan.

Ujian-*t* berpasangan dua-ekor dengan aras signifikan $p < .05$ digunakan untuk membandingkan min minat dalam soal selidik pra (M = 2.3906; SP = 0.41220) dengan soal selidik pasca (M = 2.2781; SP = 0.47365) untuk kumpulan kawalan. Ujian-*t* berpasangan adalah tidak signifikan secara statistik, (t (31) = 0.998, $p > .05$). Hal ini menunjukkan tiada perbezaan antara min soal selidik pra dan soal selidik pasca, yakni tidak terdapat peningkatan minat yang signifikan dengan kumpulan kawalan yang tidak menjalani rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Min Minat Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina antara Soal Selidik Pra Soal Selidik Pasca untuk Kumpulan Kawalan

Soal Selidik	N	Min	Nilai t	Nilai p
Pra	32	2.3906	0.998	.326
Pasca	32	2.2781		

** $p < 0.05$*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.3 Data Analisis Min Minat dalam Soal Selidik Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Ujian-*t* sampel telah dijalankan untuk membandingkan sama ada terdapat perbezaan min minat murid Tahun 3 dalam ujian pasca di sekolah kebangsaan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Oleh itu, terdapat perbezaan min minat murid-murid yang signifikan antara kumpulan rawatan (M = 2.7622; SP = 0.19344) dan kumpulan kawalan (M = 2.2781; SP = 0.47365; df = 39.874, $p = 0.00 < 0.05$). Kesimpulannya ini menunjukkan bahawa kumpulan rawatan mempunyai min minat yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan secara signifikan.

Jadual 4.9

Min Minat Murid Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pasca Untuk Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

Kumpulan	N	Min	Nilai t	Nilai p
Kumpulan Kawalan	32	2.2781	-5.404	.000
Kumpulan Rawatan	37	2.7622		

** $p < 0.05$*

4.6 Analisis Statistik Inferensi Soal Selidik Motivasi

4.6.1 Data Analisis Min Motivasi dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Rawatan

Ujian-*t* sampel berpasangan digunakan untuk menguji tahap signifikan hipotesis yang ditentukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Alternatif A3 (H_{A3}): Terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

Soal selidik pra dan pasca telah diedarkan kepada kesemua sampel kajian, iaitu sampel kumpulan rawatan sebelum dan selepas rawatan dijalankan.

Ujian-*t* berpasangan dua-ekor dengan aras signifikan $p < .05$ digunakan untuk membandingkan min motivasi dalam soal selidik pra (M = 2.6557; SP = 0.24250) dengan soal selidik pasca (M = 2.8221; SP = 0.18668) untuk kumpulan rawatan. Ujian-*t* berpasangan adalah signifikan secara statistik, (t (36) = -4.015, $p < .05$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan antara min soal selidik pra dengan soal selidik pasca, maka terdapat peningkatan motivasi yang signifikan dalam kumpulan rawatan.

Jadual 4.10

Min Motivasi Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina antara Soal Selidik Pra Dan Soalan Selidik Pasca untuk Kumpulan Rawatan

Soal Selidik	N	Min	Nilai t	Nilai p
Pra	37	2.6557	-4.015	.000
Pasca	37	2.8221		

** $p < 0.05$*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.2 Data Analisis Min Motivasi dalam Soal Selidik Pra dan Pasca dalam Kumpulan Kawalan

Ujian-*t* sampel berpasangan telah digunakan untuk menguji perbezaan yang signifikan antara dua sampel berpasangan. Soal selidik pra dan pasca telah diedarkan kepada kesemua sampel kajian, iaitu sampel kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas kajian dijalankan.

Ujian-*t* berpasangan dua-ekor dengan aras signifikan $p < .05$ digunakan untuk membandingkan min motivasi dalam soal selidik pra (M = 2.5898; SP = 0.32259) dengan soal selidik pasca (M = 2.4219; SP = 0.45873) untuk kumpulan kawalan. Ujian-*t* berpasangan adalah tidak signifikan secara statistik, (t (31) = 1.695, $p > .05$). Hal ini menunjukkan tiada perbezaan antara min soal selidik pra dan soal selidik pasca untuk kumpulan kawalan, yakni tidak terdapat peningkatan motivasi yang signifikan dengan kumpulan kawalan yang tidak menjalani rawatan. Min pra dan pasca soal selidik juga menunjukkan min motivasi murid kumpulan kawalan telah menurun.

Jadual 4.11

Min Motivasi Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina antara Soal Selidik Pra dan Soalan Selidik Pasca untuk Kumpulan Kawalan

Soal Selidik	N	Min	Nilai t	Nilai p
Pra	32	2.5898	1.695	0.100
Pasca	32	2.8021		

* $p < 0.05$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.3 Data Analisis Min Motivasi Dalam Soal Selidik Pasca antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Ujian *t* sampel bebas telah dilaksanakan untuk membandingkan sama ada terdapat perbezaan min motivasi antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan dalam soal selidik pasca untuk pembelajaran kosa kata bahasa Cina.

Terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi murid kumpulan rawatan (M = 2.8221; SP = 0.18668) dan kumpulan kawalan (M = 2.4219; SP = 0.45873; *df* = 39.813, $p = 0.00 < 0.05$). Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan rawatan mempunyai min motivasi yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Min Motivasi Murid-Murid dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Cina Soal Selidik Pasca untuk Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Kumpulan	N	Min	Nilai t	Nilai p
Kumpulan Kawalan	32	2.4219	-4.616	.000
Kumpulan Rawatan	37	2.8221		

** $p < 0.05$*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Kesimpulan

Bab ini telah memaparkan dapatan kajian mengikut soalan kajian. Kesemua soalan kajian dijawab dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan penggunaan teknologi multimedia berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata, minat dan motivasi kumpulan rawatan. Perbincangan, rumusan dan cadangan kajian akan dibincangkan dalam Bab lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan membincangkan dan merumuskan dapatan kajian berdasarkan keseluruhan soalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini. Perbincangan dan rumusan tersebut bagi membolehkan pembaca mengetahui bahawa kajian ini telah berupaya memenuhi objektif dan menjawab soalan kajian yang diutarakan dalam bab satu. Selain itu, bab ini juga membincangkan implikasi kajian bagi memberi justifikasi sumbangan kajian kepada pengetahuan dan praktikal. Bahagian terakhir dalam bab ini ialah cadangan kajian yang merupakan saranan pengkaji dalam menambah baik penggunaan teknologi dalam penguasaan bahasa Cina. Pengkaji juga turut memberi cadangan kajian lanjutan yang memberi ruang dan peluang kepada penyelidik-penyelidik lain untuk mengkaji dengan lebih lanjut tentang penggunaan teknologi dan penguasaan bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan setiap soalan kajian dalam penyelidikan dan merumuskannya bagi memberi justifikasi bahawa setiap objektif kajian telah dipenuhi dan soalan kajian telah dijawab. Kesan penggunaan teknologi multimedia dalam penguasaan pembelajaran kosa kata bahasa Cina merupakan rumusan bagi dapatan kajian yang pertama, manakala kesan penggunaan teknologi multimedia terhadap minat dan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina ialah rumusan bagi dapatan kajian yang kedua serta ketiga.

5.2.1 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap penguasaan dalam kota kata Bahasa Cina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian skor yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Min skor ujian pencapaian kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor kumpulan kawalan dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina. Hasil kajian ini membuktikan penggunaan teknologi adalah lebih berkesan dalam pengajaran kosa kata berbanding penggunaan kaedah konvensional.

Dapatan kajian ini juga hampir sama dengan beberapa kajian lain yang mengkaji kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa kata bagi bahasa pertama, bahasa kedua atau bahasa asing. Antara kajian yang berkaitan dengan kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris termasuklah kajian Bassma (2013); Suwantarathip (2015); Agca dan Ozdemir (2013)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta Solak dan Cakir (2015), manakala Shao (2012) pula mengkaji bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Di samping itu, kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa kata bahasa juga dikaji antaranya ialah kajian kosa kata bahasa Inggeris oleh Kennedy, Thomas, Meyer, Alves dan Lloyd (2014) terhadap murid-murid kurang upaya di Amerika Syarikat. Hasil kajian ini dan hasil-hasil kajian yang telah dinyatakan sebelum ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dapat meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa pertama dan bahasa kedua.

Kajian ini dilaksanakan di Malaysia manakala Bassma (2013) di Iraq, Suwantarathip (2015) di Thailand; Agca dan Ozdemir (2013) serta Solak dan Cakir (2015) di Turki dan Kennedy et al. (2014) di Amerika Syarikat. Oleh itu, dapat dibuktikan juga bahawa kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran kosa kata tidak dipengaruhi oleh kemajuan atau kecanggihan teknologi yang terdapat di sesuatu negara, sama ada negara maju atau negara membangun. Hal ini lebih disebabkan oleh keupayaan guru-guru untuk menggunakan sumber teknologi sedia ada yang terdapat di sekolah-sekolah mereka.

Di samping itu, terdapat pelbagai alatan berteknologi dan perisian komputer yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata dan kajian ini telah menggunakan LCD dan perisian *power point*. Antara kajian lain yang menggunakan alatan dan perisian komputer sedia ada ialah kajian Bassma (2013) yang telah menggunakan laman sesawang pembelajaran dalam talian, program pembelajaran bahasa berbantu komputer, kamus elektronik, program pesanan e-mel, alat pemain CD, dan klip video. Terdapat juga kajian yang menggunakan alatan berteknologi tinggi dan perisian komputer yang dibina sendiri, seperti kajian Kennedy

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et al. (2014), yang menggunakan *Universal Design for Learning* (UDL) untuk membina alat pengajaran berasaskan multimedia yang dinamakan *Content Acquisition Podcasts* (CAPs) bagi menghantar arahan dan latihan berkaitan kosa kata. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa jenis alatan dan perisian sama ada yang sedia ada atau yang telah dibina sendiri tetap memberi kesan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa kajian ini menunjukkan kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan. Di samping itu, sehingga kini, masih kurang kajian penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina di Malaysia dan kajian ini dapat mengisi kelompangan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap Minat dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina

Kajian penggunaan teknologi dalam menarik minat murid-murid kepada pengajaran dan pembelajaran telah dikaji oleh beberapa pengkaji, antaranya kajian Dahlstrom dan Bichsel (2014); Gikas dan Grant (2013); Walkington (2014); Manca dan Ranieri (2013) serta Roehl, Reddy dan Shannon (2013). Semua dapatan kajian tersebut adalah sama seperti dapatan kajian ini, iaitu penggunaan teknologi berupaya meningkatkan minat murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding penggunaan bahan pengajaran konvensional. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan min minat yang signifikan antara murid kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan kawalan mempunyai min minat yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi berbanding dengan kumpulan rawatan. Respoden kajian ini adalah sama seperti kajian Walkington (2014) yang melaksanakan penggunaan teknologi dalam menarik minat murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah, manakala responden kajian Manca dan Ranieri, (2013); Roehl, Reddy dan Shannon (2013); Gikas dan Grant (2013) serta Dahlstrom dan Bichsel (2014) terdiri daripada pelajar universiti. Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dapat meningkatkan minat pelajar di semua peringkat pengajian.

Kajian Dahlstrom dan Bichsel, (2014); Gikas dan Grant (2013); Manca dan Ranieri (2013) serta Roehl, Reddy dan Shannon (2013) merupakan kajian umum tentang penggunaan teknologi dalam menarik minat pelajar-pelajar atau murid-murid yang tidak berfokus kepada sesuatu mata pelajaran. Kajian Walkington (2014) pula berfokuskan penggunaan teknologi dalam menarik minat murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik yang menunjukkan penggunaan teknologi berupaya menarik minat murid-murid dalam mata pelajaran matematik dan meningkatkan penguasaan mereka dalam topik yang dianggap sukar. Sehubungan dengan itu, kajian ini lebih berfokuskan minat murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Cina dan dapatan menunjukkan keputusan yang hampir sama dengan kajian-kajian tersebut. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi juga boleh digunakan dalam mata pelajaran bahasa seperti bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga memberi nilai tambah kerana masih kurang penyelidikan berkaitan tentang kesan penggunaan teknologi yang mengkhusus kepada sesuatu mata pelajaran khususnya mata pelajaran bahasa. Pengkhususan kepada sesuatu mata pelajaran membolehkan dapatan penyelidikan yang lebih empirikal dan perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam implikasi kajian.

Penggunaan teknologi dalam pengajaran terdiri daripada dua bentuk, iaitu sebagai bahan bantu mengajar atau sebagai kaedah pengajaran. Guru berperanan penting dalam menentukan penggunaan teknologi yang terbaik untuk murid-murid. Di samping itu, terdapat pelbagai alatan berteknologi dan perisian komputer yang dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan LCD dan *power point* sebagai bahan pengajaran manakala kajian Roehl, Reddy dan Shannon (2013) menggunakan teknologi sebagai kaedah pengajaran iaitu kaedah *Flipped Classroom.* Penggunaan teknologi secara inovatif ini telah menghasilkan kaedah pengajaran yang berupaya menarik minat murid-murid seperti kaedah *Flipped Classroom* justeru guru-guru disarankan untuk menggunakan teknologi secara inovatif agar murid-murid berminat untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian cadangan kajian.

Perbincangan bahagian ini dapat dirumuskan bahawa kesan penggunaan teknologi berupaya menarik minat murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga telah memberi nilai tambah kepada kajian penggunaan teknologi untuk menarik minat murid dalam mata pelajaran bahasa Cina kerana kajian ini masih kurang dilaksanakan di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan kajian ini berupaya menambah baik pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina agar menjadi lebih menarik untuk dipelajari oleh murid-murid di sekolah.

5.2.3 Rumusan Kesan Penggunaan Teknologi terhadap Motivasi dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Cina

Motivasi dalam bidang pendidikan boleh ditakrifkan sebagai keinginan murid untuk melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran. Kesan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar telah dilaksanakan dalam beberapa kajian. Namun kajian ini menyelidik kesan penggunaan teknologi dalam meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan min motivasi murid kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang signifikan. Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi berupaya meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina.

Kesan penggunaan teknologi adalah positif untuk meningkatkan motivasi murid-murid dalam pembelajaran dan impak ini yang menyebabkan teknologi digunakan secara menyeluruh dalam dunia pendidikan yang meliputi benua Eropah, Asia dan Amerika. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian Sung dan Hwang (2013) di Taiwan; Serio, Ibáñez dan Kloos (2013) di Sepanyol; Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013) di Netherland; Hwang, Hung dan Chen (2014) di Taiwan dan Ciampa (2014) di Kanada. Dapatan kajian ini melengkapkan dapatan kajian sedia ada kerana kebanyakan kajian tersebut telah dijalankan selama empat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hingga lima tahun yang lampau. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi masih kekal relevan untuk digunakan oleh guru.

Kemajuan teknologi semakin hari semakin canggih, guru-guru seharusnya tidak ketinggalan menggunakan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini ditampilkan dalam kajian Serio, Ibáñez dan Kloos (2013) yang menggunakan perisian e-pembelajaran dan Giesbers, Rienties, Tempelaar dan Gijselaers (2013) yang menggunakan *video conferencing*. Walau bagaimanapun, tidak semua guru menguasai teknologi tinggi dan berkemahiran untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi tersebut. Terdapat guru yang hanya menguasai teknologi yang mudah seperti penggunaan LCD dan *power point,* namun mereka beranggapan alatan tersebut kurang memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran. Namun dapatan kajian telah membuktikan bahawa penggunaan LCD dan *power point* berupaya untuk memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Oleh itu, guru-guru tidak perlu berasa ragu dan bimbang untuk menggunakan teknologi yang mudah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan dalam dunia teknologi membolehkan kanak-kanak mudah menggunakan aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar atau tablet. Oleh itu, terdapat sebahagian murid khususnya mereka yang telah terdedah dengan dunia teknologi dari usia kanak-kanak, berupaya menggunakan aplikasi dalam telefon pintar atau tablet tersebut untuk tujuan hiburan atau pembelajaran, malahan mereka ini amat bermotivasi untuk belajar sekiranya guru menggunakan teknologi tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah guru berpendapat murid-murid akan lebih banyak bermain daripada belajar sekiranya dibenarkan menggunakan telefon pintar atau tablet dalam pembelajaran. Pandangan ini didapati bertentangan dengan dapatan kajian Ciampa (2014) yang menunjukkan murid-murid menggunakan tablet untuk meningkatkan kosa kata mereka melalui e-permainan kosa dan tidak menggunakan masa tersebut untuk berseronok dan bermain. Murid-murid menyatakan bahawa mereka tidak bermain permainan lain dalam masa yang diberikan guru kerana mereka tahu permainan tersebut dapat membantu mereka memperoleh kosa kata yang tepat bagi menyiapkan tugasan yang diberi oleh guru.

Di samping itu, terdapat juga beberapa kajian yang menunjukkan keupayaan murid-murid untuk menggunakan teknologi yang lebih tinggi seperti kajian Sung & Hwang (2013) yang meminta murid-murid menggunakan aplikasi sedia ada dalam komputer untuk mereka mencipta alat atau sistem yang membantu memelihara alam sekitar dan kajian Hwang, Hung dan Chen (2014) pula yang meminta murid-murid menggunakan perisian dalam tablet untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah. Perkara ini membuktikan penggunaan teknologi berupaya untuk memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran sekiranya mereka diberi kebenaran untuk menggunakan aplikasi tersebut dalam pembelajaran di dalam kelas atau sebagai kerja rumah. Dalam kajian ini pula, penggunaan teknologi lebih berfokus kepada guru, iaitu guru menggunakan LCD dan *power point* dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Walau bagaimanapun perbincangan ini memberi ruang dan peluang untuk pengkaji melihat lebih jauh akan prospek penggunaan teknologi dalam pembelajaran yang akan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bahagian cadangan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusannya penggunaan teknologi telah memotivasikan murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga telah memberi nilai tambah kerana masih kurang kajian yang menyelidik penggunaan teknologi untuk menarik minat murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Pelaksanaan kajian ini berupaya menambah baik penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

5.3 Implikasi Kajian

Bahagian ini akan membincangkan implikasi kajian dengan hujah bahawa kajian ini telah menambah nilai kajian sedia ada. Dissanayake (2013) menyatakan bahawa kajian yang menambah nilai kajian sedia ada berkemungkinan dapat memberi kepentingan nasional. Sehubungan itu, perbincangan ini adalah untuk membuktikan bahawa kajian ini memenuhi jurang penyelidikan dan berupaya memberi sumbangan kepada teori, pengetahuan, praktikal dan empirikal.

5.3.1 Implikasi Pengetahuan

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid-murid. Walaupun telah banyak kajian penggunaan teknologi dijalankan, namun kebanyakan kajian tersebut dilakukan di luar negara dan mempunyai latar budaya yang berbeza dari negara kita di Malaysia. Tambahan pula, masih kurang kajian penggunaan teknologi yang berfokus kepada mata pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa Cina, maka kajian ini telah mengisi kelompangan tersebut. Kleickmann et al. (2013) menjelaskan bahawa pengetahuan guru-guru mengenai kandungan, pedagogi dan bahan pengajaran amat mempengaruhi kesan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini berupaya memberi pengetahuan kepada guru-guru tentang keupayaan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Jelaslah bahawa penggunaan teknologi merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru-guru bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan teknologi berupaya meningkatkan penguasaan, minat dan motivasi murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran justeru kajian ini boleh dijadikan pendorong untuk guru-guru menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, guru-guru perlu mempersiapkan diri untuk menguasai strategi pengajaran dan pembelajaran alaf baru melalui penggunaan teknologi terkini. Oleh itu, pengetahuan guru-guru dalam penggunaan teknologi ini akan membolehkan mereka menggunakan peralatan teknologi yang disediakan oleh KPM di sekolah-sekolah dengan cekap dan berkesan. Selain itu, pengetahuan guru-guru terhadap kemahiran teknologi alaf baru juga berupaya meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran justeru dapat dirumuskan bahawa kajian ini berupaya mengisi kelompangan dalam aspek pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Implikasi Praktikal

Bornman, (2013) berpendapat implikasi praktikal merupakan keupayaan sesuatu kajian menambah baik amalan sedia ada kepada amalan yang lebih berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan teknologi bagi meningkatkan penguasaan, minat dan motivasi murid-murid dalam kosa kata bahasa Cina. Bab 3 kajian ini telah memberikan dua langkah pengajaran, iaitu yang menggunakan teknologi (kumpulan rawatan) dan yang tidak menggunakan teknologi (kumpulan kawalan) dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan dua langkah pengajaran tersebut berkesan. Walau bagaimanapun, langkah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi adalah lebih berkesan daripada langkah pengajaran dan pembelajaran yang tidak menggunakan teknologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, guru-guru yang mempunyai murid-murid yang bermasalah dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina boleh mempraktikkan dua langkah pengajaran tersebut kerana telah terbukti berkesan. Guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang menyediakan LCD dan komputer berpeluang untuk mempraktikkan langkah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi bagi melaksanakan pengajaran kosa kata bahasa Cina manakala guru yang berada di sekolah yang tidak ada kemudahan bekalan elektrik atau tidak mempunyai LCD dan komputer pula boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tanpa penggunaan teknologi. Hal ini menjelaskan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan terbukti berkesan dapat membantu murid-murid meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Cina mereka. Tuntas perbincangan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuktikan bahawa kajian ini berupaya mengisi kelompangan dalam aspek praktikal.

5.3.3 Implikasi Empirikal

Penyelidikan empirikal menurut Creswell (2014) ialah jenis penyelidikan yang dilakukan melalui pengalaman, pemerhatian langsung atau eksperimen. Tanpa prinsip asas ini, penyelidikan mungkin tidak dikelaskan sebagai empirikal. Bukti penyelidikan empirikal mungkin bersifat kuantitatif atau kualitatif yang bermakna bahawa data yang dihasilkan melalui pemerhatian atau eksperimen. Terdapat beberapa kajian yang mengenal pasti kesan penggunaan teknologi bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa antaranya ialah kajian Bassma (2013) yang menggunakan kajian kes dan Solak dan Cakir (2015) yang menggunakan kajian tinjauan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah eksperimen yang bersifat empirikal dan membolehkan penggunaan teknologi yang digunakan berupaya untuk diuji keberkesanannya.

Terdapat juga kajian-kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti kesan penggunaan teknologi terhadap peningkatan penguasaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa yang menggunakan kaedah eksperimen, antaranya termasuklah kajian Agca dan Özdemir (2013), Kennedy et al. (2014) dan Suwantarathip (2015). Walau bagaimanapun, semua kajian tersebut dijalankan di luar negara dan masih kurang di Malaysia maka kajian ini telah mengisi kelompangan tersebut. Selain itu, tidak banyak kajian penggunaan teknologi dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kosa kata bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa kajian ini berupaya mengisi kelompangan dalam aspek empirikal.

5.4 Cadangan Kajian

Perbincangan dalam bahagian ini bagi memberi beberapa cadangan yang dapat menambah baik sistem pendidikan di Malaysia khususnya yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pendidikan bahasa Cina. Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi cadangan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam organisasi pendidikan. Kajian ini turut memberi cadangan kajian lanjutan bagi meningkatkan kualiti penyelidikan di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Penggunaan teknologi bukan sahaja berkesan untuk meningkatkan penguasaan murid-murid dalam sesuatu kemahiran, malahan juga berupaya meningkatkan minat dan motivasi mereka dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu dalam bahagian ini, terdapat beberapa cadangan kepada KPM selaku pihak yang menyediakan peralatan teknologi di sekolah dan latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk membekalkan peralatan teknologi kepada pihak sekolah justeru BTP perlulah memastikan peralatan teknologi yang dibekalkan berupaya untuk digunakan secara optimum oleh guru-guru. Komputer yang menggunakan perisian lama perlulah dinaikkan taraf agar guru-guru boleh menggunakan komputer tersebut untuk mengakses perisian yang lebih berkesan dan menarik minat murid-murid. Selain itu, BTP juga telah menyediakan portal seperti EDUWEB yang mengandungi 2,404 bahan video dan 401 bahan audio untuk kegunaan para murid dan guru. Walau bagaimanapun, masih kurang guru-guru dan murid-murid yang mengetahui serta menggunakan portal tersebut. Oleh itu, BTP perlulah melaksanakan program untuk memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan portal tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, terdapat guru-guru yang kurang berkemahiran dalam mengendalikan alatan berteknologi, disebaliknya terdapat pula guru yang berkemahiran tetapi kurang mahir untuk mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Sehubungan dengan itu, guru-guru tersebut perlulah diberi latihan untuk mengendalikan alatan berteknologi dan dilatih untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan alatan berteknologi dengan lebih berkesan. Oleh itu, kursus-kursus kepada guru-guru dalam perkhidmatan boleh dilaksanakan oleh BTP dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru (BPG), bagi guru-guru praperkhidmatan atau bakal guru, BTP juga boleh menyalurkan maklumat penting berkaitan alatan, portal dan program yang disediakan kepada Institut Pendidikan Guru dan universiti awam. Makluman tersebut amat penting bagi membolehkan institusi berkenaan merangka kursus-kursus yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agar guru-guru praperkhidmatan dan bakal guru boleh mengaplikasikannya sewaktu mengajar kelak.

5.4.2 Cadangan kepada Sekolah

Sekolah-sekolah di Malaysia telah dibekalkan dengan alatan berteknologi. Walau bagaimanapun, terdapat sekolah yang tidak menggunakan alatan tersebut secara optimum. Hal ini disebabkan oleh prosedur penggunaan yang tegar untuk menjaga keselamatan alatan berteknologi tersebut justeru peralatan tersebut hanya tersimpan dan guru-guru tidak terdorong untuk menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, prosedur penggunaan yang terlalu rigid ini perlu diubah kepada pendekatan yang lebih mesra pengguna agar alat-alat itu mudah diakses dan digunakan sepenuhnya. Selain itu, sekolah-sekolah perlu menggalakkan para guru mengikuti program serta inisiatif yang berupaya menimbulkan minat mereka untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, terdapat pengetua atau guru besar yang tidak membenarkan murid-murid menggunakan komputer yang disediakan di makmal komputer kerana bimbang akan kerosakan komputer tersebut. Perkara ini menyebabkan tujuan dan objektif pembinaan makmal komputer terhalang dan sukar untuk dicapai. Peralatan di makmal komputer yang indah tersusun tidak membawa sebarang manfaat sekiranya tidak digunakan oleh murid-murid. Walhal penggunaan komputer di makmal memberi ruang dan peluang kepada murid-murid untuk menggunakan alatan berteknologi tersebut. Hal ini penting kerana tidak semua murid terdedah dengan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan komputer ini terutama murid-murid yang tinggal di kawasan luar bandar atau murid-murid yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah.

5.4.3 Cadangan kepada Guru

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru di Malaysia masih dianggap dalam kadar yang rendah berbanding guru-guru di negara maju seperti Singapura dan Amerika Syarikat. Guru-guru kerap memberi alasan bebanan tugas serta keperluan menghabiskan sukatan pelajaran sebagai kekangan untuk mereka menggunakan teknologi dalam pengajaran. Walhal dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi boleh meningkatkan penguasaan murid-murid. Oleh itu, perkara ini sepatutnya mendorong mereka untuk menggunakan teknologi agar murid-murid dapat menguasai pelajaran dengan baik, seterusnya membolehkan guru-guru menghabiskan sukatan dalam tempoh yang lebih singkat.

Di samping itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kebanyakan guru di Malaysia didapati memadai dengan menggunakan LCD dan komputer. Perkembangan teknologi alaf ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai peralatan, perisian dan portal canggih yang boleh digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Alatan selain komputer seperti telefon pintar dan *tablet* boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran jika guru-guru kreatif memikirkan cara pengaplikasiannya. Sebagai contoh, guru-guru boleh menggunakan beberapa perisian dalam alatan tersebut seperti permainan bahasa yang akan menarik minat murid-murid terhadap pembelajaran. Oleh itu, para guru disarankan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan teknologi secara inovatif agar murid-murid berminat untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kebanyakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia lebih berfokus kepada guru, sedangkan di negara-negara maju penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada murid-murid. Murid-murid perlu diberi peluang dan ruang untuk menggunakan teknologi tersebut agar kemahiran mereka dapat ditingkatkan apatah lagi kebanyakan murid mempunyai telefon pintar dan *tablet* di rumah. Guru boleh menggunakan kelebihan ini untuk meminta murid-murid menggunakan ejin pencarian bagi mencari maklumat yang berkaitan dengan perkara yang dipelajari dan seterusnya dapat memberi kefahaman yang meluas kepada murid-murid akan fungsi alatan tersebut selain untuk berhubung dengan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Penyelidikan ini telah mengkaji kesan penggunaan teknologi bagi meningkatkan penguasaan, minat dan motivasi murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah eksperimen, maka penyelidikan ini berupaya mengenal pasti kesan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan peluang kepada pengkaji lain untuk melaksanakan penyelidikan dalam topik yang sama. Tambahan pula, Ingvaldsen dan Gulla (2015) menyatakan tidak ada kajian yang sempurna. Menurut mereka, kajian tersebut tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan sempurna kerana sentiasa ada teknik dan inovasi baharu yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik kajian sedia ada. Sehubungan dengan itu, cadangan ini dibincangkan berdasarkan tiga pendekatan kajian, iaitu pendekatan kuantitatif, pendekatan kualitatif dan pendekatan gabungan.

Berdasarkan kajian literature, terdapat beberapa kajian eksperimen dilaksanakan bagi mengkaji kesan penggunaan teknologi, antaranya termasuklah kajian Agca dan Ozdemir (2013); Kennedy et al. (2014) dan Suwantarathip (2015). Walaupun dapatan kajiannya adalah sama iaitu menunjukkan keberkesanan penggunaan teknologi, namun teknologi yang digunakan dalam kajian tersebut adalah lebih canggih berbanding teknologi yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, disarankan untuk melaksanakan kajian bagi mengenal pasti perbezaan kesan antara alatan yang berteknologi tinggi dengan alatan yang berteknologi rendah bagi membolehkan para pengkaji memilih alat bantu mengajar yang lebih tepat untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Cina.

Saranan yang kedua ialah kajian dalam topik yang sama dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pernecky (2016) telah menjelaskan kelebihan pendekatan kualitatif sebagai pendekatan yang membolehkan kefahaman mendalam tentang sesuatu fenomena, keadaan atau peristiwa. Berdasarkan pendekatan ini, penyelidikan boleh dimulakan pada semua peringkat seperti menggunakan kaedah *Grounded_theory* pada peringkat asas dan kajian juga boleh bermula cara saintifik seperti temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen sepanjang proses penyelidikan. Pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah fenomenologi membolehkan penyelidik memahami dengan mendalam berkaitan dengan penggunaan teknologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan guru bahasa Cina. Menggunakan pendekatan dan kaedah tersebut juga membolehkan penyelidik mendalami keadaan, perasaan dan tingkah laku guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Saranan juga diberikan kepada pengkaji untuk melaksanakan penyelidikan tentang penggunaan teknologi dalam kalangan guru bahasa Cina yang menggunakan pendekatan multimetodologi. Pendekatan multimetodologi ialah penyelidikan yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Menurut Creswell (2014) kaedah bercampur atau gabungan dapat memberikan pandangan yang lebih lengkap. Antara kajian yang sesuai menggunakan kaedah ini adalah seperti dalam pelaksanaan penyelidikan secara berfasa atau membina reka bentuk berstatus interaktif yang bersifat seimbang. Penyelidikan tentang pembangunan modul penggunaan teknologi dalam subjek bahasa Cina akan lebih lengkap dan tepat sekiranya dilaksanakan menggunakan pendekatan multimetodologi. Fasa awal penyelidikan tersebut boleh dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi memperoleh aspek dan model yang tepat bagi membina modul penggunaan teknologi. Fasa seterusnya pengkaji boleh menggunakan pendekatan kuantitatif untuk analisis kebolehpercayaan, kesahan dan kesan modul tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan dan melaporkan hasil kajian berasaskan objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan merangkumi rumusan dan kajian lepas terhadap pencapaian, minat dan motivasi. Selain itu, perbincangan juga merangkumi cadangan yang membina untuk pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah, guru dan pengkaji masa depan. Implikasi kajian juga dibincangkan secara meluas pada bahagian akhir bab ini.

Kesimpulan keseluruhan untuk kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan teknologi multimedia merupakan cara yang berkesan dalam peningkatan pencapaian, minat dan motivasi murid dalam penguasaan kosa kata bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Akbari, R., & Yazdanmehr, E. (2014). A Critical Analysis of the Selection Criteria of Expert Teachers in ELT. *Theory and Practice in Language Studies*, *4*(8), 1653–1658. https://doi.org/10.4304/tpls.4.8.1653-1658.

Agca, R. K., & Özdemir, S. (2013). Foreign Language Vocabulary Learning with Mobile Technologies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *83*(0), 781–785. http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.06.147

Nomass, B. B. (2013). The Impact of Using Technology in Teaching English as a Second Language. *English Language and Literature Studies*, *3*(1), 111–116. http://doi.org/10.5539/ells.v3n1p111

Bornman, L. (2013). What Is Societal Impact of Research and How Can It Be Assessed? A Literature Survey. *Journol of the America Society for Information Sciece and Techology*, *64*(2), 217–233. http://doi.org/10.1002/asi

Ciampa, K. (2014). Learning in a mobile age: An investigation of student motivation. *Journal of Computer Assisted Learning*, *30*(1), 82–96. http://doi.org/10.1111/jcal.12036

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. *Research Methods in Education* (6th Edition). London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. *Educational Researchjm*, (4th Edition). Pearson.

Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th Edition). Sage Publications India Pvt. Ltd.

Creswell, J. W. (2014). *Research Design* (4th Edition). Los Angeles: Sage Publications Ltd.

Darusalam, G., & Mustapha, R. (2018). *Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Dahlstrom, E., & Bichsel, J. (2014). *Educause Center For Applied Research (ECAR) Study of Undergraduate Students and Information Technology*. Research paper. Louisville.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dissanayake, D. M. N. S. W. (2013). Research, Research Gap and the Research Problem. *Munich Personal RePEc Archive*, (47519). Retrieved from https://mpra.ub.uni-muenchen.de/47519/

Evans, A., & Coyle, D. (2010). *Introduction to Web 2.0*. Pearson.

Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2016). *How to Design and Evaluate Research in Education* (9th Edition). McGraw-Hill International Edition.

Giesbers, B., Rienties, B., Tempelaar, D., & Gijselaers, W. (2013). Investigating the relations between motivation, tool use, participation, and performance in an e-learning course using web-videoconferencing. *Computers in Human Behavior*, *29*(1), 285–292. http://doi.org/10.1016/j.chb.2012.09.005

Gikas, J., & Grant, M. M. (2013). Internet and Higher Education Mobile computing devices in higher education : Student perspectives on learning with cellphones , smartphones & social media. *Internet and Higher Education*, *19*, 18–26.

Hadi, A., Siong Theam, L., Palaniandy, M., & Dolah, J. (2016). Penerimaan Alat Web 2.0 Dalam pelaksanaan Kurikulum Program Berasaskan Pembelajaran Abad ke-21 di institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, *10*, 104–115.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Hwang, G. J., Hung, C. M., & Chen, N. S. (2014). Improving learning achievements, motivations and problem-solving skills through a peer assessment-based game development approach. *Educational Technology Research and Development*, *62*(2), 129–145. http://doi.org/10.1007/s11423-013-9320-7

Ismail, Z., & Kamaludin, S. M. (2011). P*embangunan Bahan E-Pembelajaran Berasaskan Moodle Bagi Tajuk Straight LineDan Circles III Matematik Tingkatan Empat.* Retrieved from http://eprints.utm.my/11700/

Kailani, I., & Muhammed, L. H. (2010). *Pembangunan Bahan E-Pembelajaran Berasaskan Moodle Bagi Tajuk Ratios, Rates and Proportions 11 Tingkatan Tiga.* Retrieved from http://eprints.utm.my/10541/

Kennedy, M. J., Thomas, C. N., Meyer, J. P., Alves, K. D., & Lloyd, J. W. (2014). Using evidence-based multimedia to improve vocabulary performance of adolescents with ld: A udl approach. *Learning Disability Quarterly*, *37*(2), 71–86. http://doi.org/10.1177/0731948713507262

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kleickmann, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M., Krauss, S., & Baumert, J. (2013). Teachers' Content Knowledge and Pedagogical Content Knowledge: The Role of Structural Differences in Teacher Education. *Journal of Teacher Education*, *64*(1), 90–106. http://doi.org/10.1177/0022487112460398

Mackey Alison, M. G. S. (2016). *Second Language Research : Methodology and Design Second Edition* (2nd Edition). New York & London: Routledge Taylor & Francis Group.

Manca, S., & Ranieri, M. (2013). Is it a tool suitable for learning? A critical review of the literature on Facebook as a technology-enhanced learning environment. *Journal of Computer Assisted Learning*, *29*(6), 487–504. http://doi.org/10.1111/jcal.12007

Mayer, R. E. (2001). *Multimedia Learning*. Cambridge University Press, New York.

Nurpandi, F., Langi, A. Z. R., & Bandung, Y. (2013). Using instructional design model to implement open lesson with lesson study approach for online teacher community. In *Proceedings of the 2013 Joint International Conference on Rural, Information and Communication Technology and Electric-Vehicle Technology, rICT and ICEV-T 2013* (pp. 1–4). IEEE. https://doi.org/10.1109/rICT-ICeVT.2013.6741562

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rasinger, S. M. (2013). *Quantitative Research in Linguistics An Introduction* (2nd Edition). Bloomsbury.

Reynolds-Keefer, L., & Johnson, R. (2011). Is a picture is worth a thousand words? Creating effective questionnaires with pictures. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, *16*(8), 1–7.

Roehl, A., Reddy, S. L., & Shannon, G. J. (2013). The flipped classroom: An opportunity to engage millennial students through active learning strategies. *Journal of Family & Consumer Sciences*, *105*(2), 44–49. http://doi.org/doi.org.proxy2.lib.umanitoba.ca/10.1

Sahjan, S. (2016). Kesan Pembelajaran Koperatif (STAD) Terhadap Pencapaian Akademik, Minat dan Motivasi Pelajar Tahun 6 Dalam bidang Jawi. *Ulum Islamiyah*, *19*, 57-70.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

